

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK MOHD HANAFIAH BIN YUSOFF
TOKOH DIKIR BARAT
MENGENAI SENI KEBUDAYAAN DIKIR BARAT**

**AMIRA NATASHA BINTI AHMAD ROSHIDI
(2020982891)**

**UMMU ARIFAH BINTI MOHD DASUKI
(2020957559)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2021- JULAI 2021

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-2
2.0	Biodata tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada Tokoh	3-4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5-8
4.0	Kajian Literatur 4.1 Seni Kebudayaan 4.2 Dikir Barat	9-14
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	15-69
6.0	Log Temubual	70-74
7.0	Ralat	75
8.0	Glosari	76
9.0	Indeks	77-81

10.0	Bibliografi	82-84
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	85
	11.2 Surat Perjanjian	86
	11.3 Senarai Soalan	87-92
	11.4 Diari Penyelidikan	93-95
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	96-97

ABSTRAK

ABSTRAK

ABSTRAK: *Transkrip ini mengandungi rakaman temubual mengenai sejarah lisan seni kebudayaan Dikir Barat bersama salah seorang tokoh Dikir Barat yang dikenali di Kelantan iaitu Encik Mohd Hanafiah Bin Yusoff atau lebih dikenali dengan nama Raden Mas Uji. Beliau telah berkongsi pelbagai perkara yang berkait rapat dengan seni warisan Dikir Barat serta bercerita tentang pengalaman dan ilmu yang diperolehi. Sesi temubual ini telah dijalankan pada 24 Mei 2021 pada jam 11.00 pagi bertempat di kediaman tokoh. Temubual ini telah dijalankan selama 2:08:03 jam secara bersemuka. Soalan-soalan yang ditanyakan kepada tokoh terbahagi kepada tiga bahagian iaitu soalan orientasi, soalan umum dan soalan khusus. Semua soalan yang ditanyakan adalah berkaitan dengan kajian sejarah lisan seni kebudayaan Dikir Barat. Ini bertujuan untuk mengkaji dan mengumpul semua maklumat atau fakta mengenai Dikir Barat dan bagaimana permainan ini dimainkan. Di akhir temubual, beliau memberikan tips tentang sikap yang perlu diamalkan jika ingin terus berada dalam permainan Dikir Barat.*

Kata Kunci: Sejarah lisan, temubual, Dikir Barat, permainan, seni kebudayaan

ABSTRACT: *This transcript contains a recording of an interview on the oral history of Dikir Barat cultural art with one of the Dikir Barat figures known in Kelantan, namely Encik Mohd Hanafiah Bin Yusoff or better known as Raden Mas Uji. He shared various things that are closely related to the heritage art of Dikir Barat as well as talked about the experience and knowledge gained. This interview session was conducted on 24 May 2021 at 11.00 am at the residence of the figure. This interview was conducted for 2:08:03 hours face to face. The questions asked to the figures are divided into three parts, namely orientation questions, general questions and specific questions. All the questions asked were related to the study of the oral history of Dikir Barat cultural art. This aims to study and gather all the information or facts about Dikir Barat and how the game is played. At the end of the interview, he gave tips on the attitude that needs to be practiced if you want to continue to be in the game of Dikir Barat.*

Keywords: Oral history, interview, Dikir Barat, game, cultural art

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim dan Assalamualaikum w.b.t, Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnianya. Dalam usaha menyiapkan sebuah transkrip ini ketika dunia dilanda wabak pandemik COVID-19, Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Allah kerana pada akhirnya kami telah berjaya menyiapkan tugas ini pada tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam menjalankan tugas khusus kami untuk subjek IMR604: Oral Documentation, bagi menyiapkan projek kami iaitu “Transkrip Temubual Bersama Encik Mohd Hanafiah Bin Yusoff Tokoh Dikir Barat Mengenai Pengalaman Beliau Dalam Bidang Seni Kebudayaan Dikir Barat” dengan jayanya. Sungguh tidak ternilai kerjasama yang telah diberikan sehingga kami berjaya berada di tahap ini.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang semester ini bagi menyiapkan tugas ini. Kesabaran beliau ketika mencurahkan ilmu dan melayani setiap karenah dari kami amat tidak ternilai dan amat sukar untuk dibalas jasa beliau. Kami juga bersyukur kerana ditunjuk ajar oleh beliau berpandukan teknik pengajaran dan pembelajaran dalam menyiapkan projek ini tanpa sebarang kesalahan. Beliau juga amat tenang dan tidak pernah putus asa berusaha dalam menerangkan setiap perkara untuk memastikan kami faham dan boleh menggunakan setiap ilmu yang diajar oleh beliau.

Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan terima kasih dan rasa sayang kepada ahli keluarga kami dan rakan kami kerana banyak memberikan dorongan dan suntikan semangat ketika menyiapkan tugas ini. Mereka sentiasa berada di samping kami tidak kira apa jua berlaku. Di musim pandemik ini, mereka banyak meluangkan masa bersama kerana mereka tahu dan faham, erti tekanan belajar dari rumah atau Open and Distance Learning (ODL). Kami amat menghargai jasa mereka yang tidak ternilai. Rakan-rakan yang banyak memberikan panduan dan idea ketika menyiapkan tugas. Kami telah saling berkongsi idea supaya urusan kami semua dipermudahkan. Kami bersama-sama ingin mencapai keputusan yang baik bagi subjek ini dan berjaya dalam menghasilkan sejarah lisan yang berkualiti.

AMIRA NATASHA BT AHMAD ROSHIDI
(2020982891)

UMMU ARIFAH BT MOHD DASUKI
(2020957559)

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AJL	Anugerah Juara Lagu
BBNU	Budak-budak baru nak up
COVID	Coronavirus Disease
COVID-19	Coronavirus Disease 2019
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
LIMA	Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi
MCO	Movement Control Order
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI SINGKATAN

ANA : Amira Natasha Binti Ahmad Roshidi

UAM : Ummu Arifah Binti Mohd Dasuki

MHM : Mohd Hanafiah Bin Yusuff

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Ado	Ada
Ake	Akan
Apokoh	Apakah
Ata	Hantar
Banggo	Bangga
Bubuh	Letak
Bide	Bidang
Bijok	Bijak
Beki	Baiki
Bekerjasamo	Bekerjasama
Bereti	Berhenti
Buke	Bukan
Bule	Bulan
Bena	Sebenarnya
Beraso	Rasa
Beso	Biasa
Belake	Belakang
Bayare	Bayaran
Capur	Campur
Cerito	Cerita
Dale	Dalam
Diore	Diorang
Doh	Dah
Dok	Tidak
Demo	Awak
Denga	Dengar
Dei	Sempat
Gano	Macam mana
Gapo	Apa
Gi	Pergi
Heboh	War-warkan
Hok	Yang

Jak	Sejak
Jap	Sekejap
Jate	Lelaki
Jiwo	Jiwa
Jugok	Jugak
Kalu	Kalau
Kajie	Kajian
Kanok-kanok	Kanak-kanak
Kato	Kata
Kade-kade	Kadang-kadang
Kei	Kan
Kawe	Saya
Kito	Kita
Kiro	Kira
Kecek	Cakap
Keingine	Keinginan
Kelik	Balik
Kebangsae	Kebangsaan
Kebetule	Kebetulan
Kelebihe	Kelebihan
Kemudahe	Kemudahan
Kene	Berkenan
Ketuo	Ketua
Kerenoh	Kerenah
Kerasiye	Keserasian
Kepado	Kepada
Keseniye	Kesenian
Koe	Ke
Kul	Pukul
Kure	Kurang
Koktu	Disitu
Kokni	Disini
Koho	Semakin

Lawe	Lawan
Lepah	Lepas
Letok	Letak
Loni	Sekarang
Manda-manda	Memandai
Mace	Macam
Make	Makan
Mano	Mana
Masaloh	Masalah
Mintak	Minta
Mitok	Minta
Mudoh	Mudah
Mugo	Moga
Mulo	Mula
Nanyo	Tanya
Ngelah	Akhir
Nguboh	Ubah
Ngupoh	Upah
Nyo	Nya
Ore	Orang
Pahtu	Selepas
Pakaiye	Pakaian
Palo	Ketua
Pasuke	Pasukan
Pat	Empat
Pialo	Piala
Pikir	Fikir
Pise	Pisang
Pusinge	Pusingan
Pelue	Peluang
Pembikine	Pembikinan
Pengetahue	Pengetahuan
Penerbite	Penerbitan

Pegi	Pergi
Pege	Pegang
Pernoh	Pernah
Persembahe	Persembahan
Perature	Peraturan
Pulok	Pula
Pung	Pun
Ponde	Pondan
Rasonyo	Rasanya
Rima	Irama
Rebano	Rebana
Sahajo	Sahaja
Sapa	Sampai
Sayei	Sayang
Sedak	Sedap
Selepah	Selepas
Semo	Semua
Sene	Senang
Sipe	Simpan
Suh	Suruh
Sope	Sopan
Susoh	Susah
Sudoh	Sudah
Soale	Soalan
Sore	Seorang
Spontae	Spontan
Takdi	Tadi
Talipon	Telefon
Tange	Tangan
Tayoh	Tidak susah
Tibo-tibo	Tiba-tiba
Tidok	Tidak
Tigo	Tiga

Tino	Perempuan
Teruh	Terus
Teligo	Telinga
Tengoh	Tengah
Terimo	Terima
Terpule	Tepulang
Tok leh	Tidak boleh
Tok jogho	Tok juara
Tue	Tuan
Tuhe	Tuhan
Tuke	Tukang
Tupe	Tumpang
Yo	Ya
Zame	Zaman

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



PENEMUBUAL PERTAMA

Nama:	Amira Natasha Binti Ahmad Roshidi
Tarikh Lahir:	18 Februari 1999
Tempat Lahir:	Pasir Puteh Kelantan
Alamat:	Lot 2750 Kampung Telosan, 16800 Pasir Puteh, Kelantan
No Telefon:	019-6551707
Emel:	amiraroshidi99@gmail.com
Program:	Ijazah Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



PENEMUBUAL KEDUA

Nama:	Ummu Arifah Binti Mohd Dasuki
Tarikh Lahir:	22 April 1999
Tempat Lahir:	Pasir Mas Kelantan
Alamat:	Kampung Kayu Tinggi, Bunut Susu, 17020 Pasir Mas, Kelantan
No Telefon:	019-6414078
Emel:	arifahdasuki71@gmail.com
Program:	Ijazah Pengurusan Rekod (IM246)

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



TOKOH DIKIR BARAT

Nama	Mohd Hanafiah Bin Yusoff
Nama Samaran	Raden Mas Uji
Tarikh Lahir	28 April 1977
Tempat Lahir	Kota Bharu, Kelantan
Alamat	Kampung Kubang Tuman Jalan Pengkalan Chepa 15400 Kota Bharu Kelantan
No Telefon	011-33530045
Emel	addamasentertainment@gmail.com
Profesion	Penerbit lagu/Pengiat Kumpulan Dikir Barat
Bidang	Seni Kebudayaan Dikir Barat

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Encik Mohd Hanafiah Bin Yusoff atau lebih dikenali sebagai Raden Mas Uji merupakan seorang penerbit lagu dan juga seorang pengiat aktif kumpulan Dikir Barat. Penglibatan beliau dalam Seni Kebudayaan Dikir Barat sangat memberi inspirasi kepada kami untuk mengetahui dengan lebih mendalam serta terperinci tentang Dikir Barat. Anak kelahiran Kampung Kuala Besar, Kota Bharu, Kelantan ini mula bergiat aktif dalam Dikir Barat ini ketika masih di bangku sekolah lagi. Beliau mula bergiat aktif dalam aktiviti Dikir Barat di kampung halaman beliau pada tahun 2000. Pada awalnya, beliau hanya pergi melihat latihan Dikir Barat yang diadakan di kampung halaman rumah beliau. Setelah beberapa kali melihat latihan Dikir Barat tersebut beliau mula berminat untuk menceburi aktiviti Dikir Barat dengan lebih mendalam dan mula menyertai kumpulan Dikir Barat di kampung halaman beliau.

Encik Mohd Hanafiah Bin Yusoff atau dikenali sebagai Raden Mas Uji ini mula bergiat aktif dalam Dikir Barat dengan menyertai pertandingan Dikir Barat pada tahun 2005. Beliau telah mendapat persembahan tok juara terbaik dalam pertandingan itu. Pada tahun 2006 terdapat beberapa kumpulan Dikir Barat di bawah jagaan beliau antaranya kumpulan Sri Rahmat, kumpulan Sri Merangkap dan kumpulan Sri Keseng. Pada tahun 2008, beliau pernah menyertai beberapa persembahan dan pertandingan di peringkat antarabangsa seperti Singapura. Pada tahun 2008 juga beliau menyertai pertandingan Bintang Klasik P.Ramlee dan dinobatkan sebagai tok juara pertama dalam program tersebut. Pada tahun 2019 pula, beliau telah membuat satu dokumentasi yang bertajuk "Malaysia Book of Record:14 Jam Tanpa Henti Dikir Barat". Dengan berbekalkan pengalaman serta ilmu yang beliau ada, kini beliau aktif dalam menghasilkan beberapa album Dikir Barat.

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Menurut Purwanto (2006), sejarah lisan merupakan alat yang sangat berguna untuk menemukan, mengeksplorasi, dan mengevaluasi ciri-ciri dari proses ingatan sejarah. Maksudnya, sejarah lisan adalah salah satu cara untuk mengkaji tentang sejarah dan ianya adalah satu cara yang amat berkesan digunakan untuk membuktikan kewujudan sejarah tersebut. Ianya juga dapat menjadi satu bukti sejarah yang berkualiti untuk masa hadapan. Sebagai contoh, sejarah lisan adalah satu cara pengkajian sejarah yang berkualiti kerana ia dilakukan secara perbualan atau percakapan antara pengkaji dan tokoh yang mempunyai pengalaman dan ilmu yang mencukupi untuk dikongsikan kepada pembaca dan orang awam di masa akan datang. Ini juga disebut oleh Sartono Kartodirdjo (1991), beliau telah merumuskan bahawa sejarah lisan sebagai cerita-cerita tentang pengalaman kolektif yang disampaikan secara lisan. Ini juga salah satu cara dalam penelitian sejarah yang dapat digunakan untuk meneliti setiap sejarah lisan yang telah dijalankan, yang mana cara ini biasanya digunakan dalam historiografi sementara.

Seterusnya, menurut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (2007), sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu akan disemak. Selepas ianya disemak, ia akan ditaip dan dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Ini bermakna sejarah lisan dilakukan secara langsung melalui percakapan dan pengetahuan yang dapat diperolehi adalah secara pendengaran. Jadi, sejarah lisan boleh menjadi bukti sejarah yang amat jelas apabila ianya telah ditaip dan ditulis dalam bentuk buku atau diatas kertas.

Di Malaysia, universiti-universiti tempatan telah mula menunjukkan kecenderungan terhadap sejarah lisan. Salah satu universiti yang telah menawarkan kursus mengenai sejarah lisan adalah UKM. Ini terbukti bahawa sejarah lisan sudah mulai konsisten dalam mengukuhkan penulisan sejarah. Menurut Mona Lohanda (2012), banyak ahli mengatakan sejarah lisan itu *humanizing history* atau lebih tepat lagi menurut Eucalingo, ianya adalah takrifan kemanusiaan dimana ianya memberi tempat kepada emosi, sentimen dan hal-hal yang peribadi yang patut diketahui sebagai sebahagian dari sejarah umat manusia. Jadi, sejarah lisan adalah satu cara pengkajian sejarah yang membolehkan pengkaji memahami perasaan tokoh dan seterusnya menyampaikan kepada orang ramai. Segala proses yang dilakukan sepanjang sejarah lisan adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang benar dan berkongsi pengalaman tokoh itu sendiri.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Menurut Donald A. Ritchie (2003), sejarah lisan adalah satu kaedah pengumpulan memori-memori dan pengalaman yang bernilai sejarah yang dirakamkan melalui wawancara. Jadi, jelaslah di sini objektif sejarah lisan adalah mendapatkan bukti secara langsung daripada tokoh yang berpengalaman. Oleh sebab itu, proses wawancara telah diatur terlebih dahulu untuk memastikan semuanya berjalan dengan lancar tanpa mengalami sebarang masalah. Satu proses wawancara atau temubual yang berkesan adalah terdapat bukti rakaman penceritaan tentang pengalaman tokoh itu sendiri. Daripada rakaman tersebut, segala emosi dan tafsiran kemanusiaan dapat dipersembahkan kepada pembaca. Salah satu persediaan yang dapat dilakukan sebelum memulakan sesi temubual atau wawancara adalah dengan melakukan sedikit kajian tentang tokoh dan kegiatannya supaya kemesraan antara tokoh dapat diwujudkan dan tokoh akan berasa lebih selesa untuk menceritakan pengalaman beliau.

Seterusnya, menurut Rozeman Abu Hassan (2004), tujuan sejarah lisan adalah untuk mendapat dan memelihara rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan dan sudah hilang. Oleh itu, penghasilan karya secara bertulis daripada sejarah lisan sebagai kegunaan masa hadapan atau lebih tepat lagi sebagai bahan rujukan adalah penting. Menurut Nadzan Haron (2012), suatu daripada kaedah penyelidikan sejarah atau kaedah yang boleh digunakan oleh penyelidik dalam mengumpul sumber sejarah daripada tokoh yang juga boleh dianggap sebagai saksi kepada sejarah adalah berbentuk lisan di mana ini adalah satu cara melengkapkan rekod bertulis. Secara tidak langsung, sejarah lisan akan dihasilkan dalam bentuk buku atau transkrip daripada pita rakaman atau perbualan antara tokoh. Pengkaji sejarah memainkan peranan penting dalam memahami setiap perkara dan emosi yang telah ditunjukkan oleh tokoh supaya ianya menjadi satu sumber rujukan yang berkesan untuk orang awam.

Tambahan pula, menurut A.R Fry & W. Baum (1969), sejarah lisan juga satu cara untuk mendapatkan dan mengumpulkan sekumpulan keterangan sejarah di dalam bentuk lisan biasanya dalam bentuk pita rakaman. Oleh sebab itu, sejarah lisan ini telah dilakukan secara sederhana panjang iaitu selama dua jam. Objektif sejarah lisan ini dijalankan selama dua jam adalah kerana ianya sudah mencukupi untuk mengumpulkan fakta-fakta dan sejarah penting tentang perkara yang dikaji. Jadi, sejarah lisan ini akan lebih mudah untuk ditakrifkan dan lebih senang untuk menggariskan peristiwa-peristiwa penting yang diceritakan oleh tokoh itu sendiri. Menurut Judith Moyer (1993), sejarah lisan adalah satu koleksi kesaksian orang hidup yang sistematik mengenai pengalaman mereka sendiri. Oleh sebab itu, proses temubual atau wawancara yang sederhana panjang adalah digalakkan untuk mengelakkan sebarang masalah semasa membuat tafsiran sejarah

lisan secara bertulis. Berdasarkan daripada penyelidikan kajian berkaitan Seni Kebudayaan Dikir Barat terdapat beberapa objektif yang dapat dikenalpasti dalam kajian ini antaranya ialah:

- i. Untuk mengenalpasti mengapa Seni Kebudayaan Dikir Barat kian dilupakan oleh generasi masa kini.
- ii. Untuk mengkaji punca Dikir Barat tidak lagi dipopularkan di Malaysia sebagai satu seni kebudayaan atau satu seni hiburan.
- iii. Untuk menceritakan kepentingan dan kelebihan Dikir Barat yang tidak lagi diambil tahu oleh masyarakat.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Dalam konteks kepentingan, ianya boleh dianggap sebagai satu kekuatan atau kelebihan sejarah lisan itu sendiri. Peranan sejarah lisan adalah mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber bertulis dan ianya boleh menjadi sumber tambahan untuk menjadikan suatu kajian itu mantap dan lebih mendalam. Dalam bahasa mudah, sejarah lisan boleh menjadi penyelamat dalam menyediakan maklumat sejarah yang mungkin tidak dapat diperolehi oleh pengkaji akan datang. Jadi, ini dapat memberikan peluang kepada ramai orang untuk mentafsir peranan mereka demi mencari kebenaran sejarah. Ini jelas membuktikan bahawa sejarah lisan dapat menghasilkan sumber yang istimewa yang dapat menyelami emosi saksi kepada peristiwa yang dialami. Ini bermaksud ianya salah satu alternatif kepada memori atau biografi mengenai saksi atau tokoh itu sendiri. Melalui rakaman, ianya dapat menyelamatkan tradisi lisan yang sudah semakin hilang.

Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (2009), sumber lisan ialah sumber yang didapati daripada pertuturan atau perkhabaran seseorang tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sebagaimana sumber sejarah yang lain seperti sumber bertulis, sumber lisan juga boleh dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting dalam pensejarahan, khususnya pensejarahan Malaysia. Jadi, ini telah terbukti bahawa sejarah lisan adalah satu sumber sejarah yang berkesan untuk digunakan sebagai satu kaedah pengkajian sejarah. Ianya adalah satu usaha dalam mempelbagaikan sumber untuk memahami dan memelihara warisan negara. Seperti yang kita dapat lihat, sejarah tidak lagi dilihat sebagai satu tajuk yang penting pada zaman kini dan ini adalah satu usaha untuk memperlihatkan kepada umum bahawa sejarah adalah satu perkara yang penting dan amat menarik untuk dikaji. Menurut Mohd Amin Hassan (1974), semua keterangan lisan mengenai masa lalu yang telah diperturunkan dari seorang ke seorang dengan cara pertuturan. Sejarah lisan boleh menarik minat pengkaji semasa mengkaji tentang sesuatu sejarah kerana mereka dapat mendengar dan melihat emosi saksi pengalaman itu sendiri semasa proses wawancara.

Menurut Muhd Yusof Ibrahim (2009), kepentingan sumber lisan ini amat terasa dalam keadaan di mana kurangnya sumber-sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaji ataupun dalam keadaan di mana sumber lisan adalah satu-satunya sumber yang boleh diperolehi tentang sesuatu peristiwa itu. Sebagai contoh, peristiwa pada zaman Jepun masih diceritakan oleh orang-orang tua yang mengalami zaman tersebut. Sejarah lisan juga boleh dianggap unik kerana ianya berjaya zaman lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Tambahan pula, sejarah lisan tidak memberikan perhatian kepada tokoh ternama sahaja malah lebih kepada menjadi tokoh yang mempunyai cukup pengalaman dalam bidang tersebut tetapi tidak dikenali.

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 SENI KEBUDAYAAN

Secara umumnya, seni merupakan satu karya yang dicipta melalui kreativiti yang menghasilkan sesuatu yang cantik dan unik. Manakala seni budaya berkait dengan kesejahteraan, keindahan, kebijaksanaan dan perpaduan. Ini antara proses yang dilalui oleh masyarakat supaya dapat berkembang menjadi satu masyarakat yang makmur dan sejahtera. Menurut Kamus Dewan (2005), perkataan seni dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang halus iaitu kecil, elok, tipis dan halus, enak didengar iaitu mengenai suara atau comel bentuk badan. Manakala, sesuatu yang dikatakan seni pula adalah suatu bentuk karya seperti pantun, ukiran, muzik dan lain-lain lagi yang dicipta dengan bakat yang tersendiri. Menurut Harry Sulastianto (2009), seni kebudayaan merupakan satu kumpulan yang mempersembahkan idea-idea dan pemikiran kreatif termasuklah mewujudkan kemampuan serta imaginasi terhadap kebendaan, suasana dan karya yang mampu menimbulkan keunikan sehingga ianya dapat mendorong kepada masyarakat yang lebih maju. Seterusnya, menurut M. Thoyibi (2009), seni kebudayaan merupakan kewujudan jiwa seni yang telah menjadi kebiasaan. Ini termasuk dalam satu aspek kebudayaan yang menunjukkan ianya satu proses peradaban dalam sejarah kehidupan manusia. Selain itu, menurut Sartono Kartodirdjo, seni kebudayaan adalah satu sistem yang bersangkutan paut dengan kehidupan manusia kerana seni kebudayaan dapat mewujudkan komunikasi yang efektif antara satu sama lain. Ini kerana melalui satu persembahan seni itu, ianya dapat menunjukkan keindahan sesebuah kaum itu.

Menurut Ismail Hamid (1998), setiap amalan atau rutin yang dilakukan tak kira apa bangsa pun, menjadi satu budaya hidupnya yang merangkumi seluruh aspek kehidupannya. Ia adalah seperti bahasa atau dialek percakapan harian, kepercayaan, pantang larang, kepercayaan tahyul dan karut seperti hantu, semangat serta kepercayaan alam ghaib, adat istiadat kelahiran, peralihan fasa umur, perkahwinan dan kematian, sistem politik setempat, kesenian, kesusasteraan, adat istiadat raja atau pemerintah, serta nilai etika masyarakat. Semua ini boleh dianggap budaya. Jadi, kebudayaan adalah satu amalan sesebuah kaum yang menunjukkan keistimewaan yang terwujud dari pemikiran kreatif sesebuah kaum itu. Oleh sebab itu, seni kebudayaan amat penting untuk diperkukuhkan supaya ianya kekal utuh seperti zaman dahulu. Ia adalah cerminan sesebuah kaum atau penduduk asal dimana seni kebudayaan itu terwujud. Ini juga boleh membuktikan bagaimana berkembangnya pemikiran sesebuah kaum itu apabila mereka telah wujudkan satu budaya dari kaum mereka. Apabila sesuatu budaya itu dikenali, imej sesebuah kaum itu akan lebih terjaga kerana mereka telah meningkatkan aspek pemikiran mereka. Menurut Hairudin Harun (2006),

daripada amalan-amalan ini akan mewujudkan satu system pemikiran dalam masyarakat tersebut yang dapat dijadikan garis panduan yang penting dalam mewujudkan peradaban manusia.

Seperti yang kita tahu, Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa. Malaysia juga dikenali sebagai sebuah negara multicultural (multi-culture) oleh kerana sikap keterbukaan menerima pelbagai masyarakat. Ini dianggap sebagai satu sikap kemasyarakatan yang tinggi kerana masyarakat di Malaysia hidup secara aman dan damai oleh kerana sikap terbuka dalam menerima cara hidup masing-masing. Menurut Zaid Ahmad (2013), tahap-tahap masyarakat ini akan terus berkembang daripada entiti keluarga, komuniti, negara dan seterusnya global. Selain itu, konsep kemajmukan di Malaysia juga merujuk kepada pelbagai masyarakat campuran kumpulan manusia yang mengamalkan cara hidup yang berlainan. Walaubagaimanapun, mereka berjaya membentuk suatu entiti berasaskan kaum sendiri dalam lingkungan komuniti yang luas. Situasi ini bukan sahaja menjadikan masyarakat itu menjadi kompleks sebaliknya melahirkan pelbagai aktiviti sosial dan membentuk kehidupan sosial yang dikongsi bersama berdasarkan prosedur mantap bagi memenuhi keperluan sosial mereka.

Menurut Universiti Putra Malaysia (UPM) (2021), kesenian dan kebudayaan adalah satu elemen penting dalam usaha membentuk perpaduan kaum di Malaysia. Melalui aktiviti kesenian dan kebudayaan, masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India dapat bersatu padu dan membentuk sebuah masyarakat yang aman. Ini kerana aktiviti seperti ini dapat membentuk sahsiah diri dan jati diri seseorang melalui pendedahan tentang seni kebudayaan yang wujud di Malaysia. Sebagai contoh, UPM menganjurkan aktiviti kesenian dan kebudayaan kepada pelajar mereka untuk memupuk sikap toleransi dan persefahaman antara mereka. Seterusnya, menurut Pengarah Projek YTL Foundation, Datin Kathleen Chew (2019), berkata kepelbagaian yang dimiliki itu perlu dihayati semua pihak supaya mereka memahami cara hidup setiap kaum ini selain mengukuhkan keakraban semua kaum. Selain itu beliau berkata, keunikan warisan kebudayaan bukan hanya dipertontonkan kepada pelancong, malah membawakan generasi muda mencuba permainan tradisional. Menurutnya lagi, kepelbagaian budaya yang dipaparkan diharap kekal menjadi warisan dan pencetus kemakmuran kepada generasi muda yang tidak berpeluang merasai pengalaman nostalgia lalu seperti dikecapi generasi sebelum ini.

Konsep memelihara atau memulihara boleh diguna pakai dalam aspek memperkasakan seni kebudayaan yang wujud di Malaysia kerana warisan kesenian dan kebudayaan yang wujud di Malaysia sebahagian daripada proses mengukuhkan jati diri

bangsa Malaysia. Ini kerana Malaysia dikenali dengan kepelbagaian etnik, budaya, bahasa dan agamanya. Namun, cabaran untuk mengekalkan kesenian dan kebudayaan pada masa kini amat sukar khususnya dalam menentang cabaran di era 'dunia tanpa sempadan'. Ini adalah salah satu impak yang boleh dikaitkan dengan globalisasi budaya oleh kerana warisan kesenian dan kebudayaan semakin pudar dalam kalangan anak bangsa masa kini. Menurut Paul James (2006), konteks ini merujuk kepada penjanaaan kepelbagaian idea, makna serta nilai politik sebagai norma atau pengetahuan sejagat yang diamalkan dan diperkenalkan ke seluruh pelusuk dunia dengan galaknya melalui Internet, media sosial, budaya popular termasuklah perbuatan atau pergerakan manusia. Jadi, budaya baru yang wujud telah menggantikan budaya lama. Oleh sebab itu, warisan seni kebudayaan tidak lagi dapat dilihat seperti zaman dahulu di mana semua masyarakat mempersembahkan warisan seni kebudayaan mereka kepada seluruh negara.

Menurut Marwan Kraidy (2005), globalisasi budaya masa kini telah diperoleh daripada Barat seperti Amerika dan Eropah yang akhirnya ini boleh menyebabkan berlakunya imperialisme budaya, iaitu akan berjalan satu proses mendominasi atau penaklukan Barat terhadap budaya tempatan dan antarabangsa. Budaya ini semakin dapat dilihat menerusi gaya hidup anak muda di Malaysia yang lebih memilih untuk berhibur menggunakan cara Barat dari segi muzik, pemakaian dan cara hidup. Disamping itu, masyarakat kini gemar menggunakan Internet sebagai alternatif untuk mencari maklumat dan berhibur. Amalan kesenian dan kebudayaan kurang mendapat perhatian walhal ini adalah bukti sejarah Malaysia yang amat penting untuk diterokai. Menurut Naim Haji Ahmad (2011), beliau menyatakan bahawa pemaparan cara hidup, budaya dan corak masyarakatnya mampu menjadikan masyarakat luar memahami budaya dan cara hidup sesebuah masyarakat itu. Jelaslah bahawa kesenian dan kebudayaan yang dibawa oleh setiao kaum yang wujud di Malaysia memberikan pemahaman tentang amalan sesebuah kaum itu yang menjadikan seni budaya itu sebagai imej kepada kaum tersebut. Jadi, amatlah penting seni kebudayaan ini mendapat perhatian kembali oleh generasi masa kini yang memainkan peranan untuk memelihara dan memulihara warisan sejarah yang hampir pupus pada masa kini.

4.2 DIKIR BARAT

Dikir Barat adalah suatu permainan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Ia wujud dalam kalangan masyarakat biasa di kampung-kampung dan pinggir bandar. Di dalam persembahan Dikir Barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang Tukang Karut dan Tok Juara (Tuan Yaacob, 2021). Selain itu, Dikir Barat juga merupakan satu bentuk persembahan nyanyian yang dinyanyikan secara beramai-ramai dalam sesuatu masa. Dalam persembahan Dikir Barat, mereka akan mengarut sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Perkataan dikir merujuk kepada persembahan lagu dan manakala barat membawa empat wilayah yang terdapat di selatan Thai iaitu Yala, Nirathiwat, Songkla dan Pattani (Hamidah Yaacob, 2010). Dalam permainan Dikir Barat, satu kumpulan akan mempersembahkan pelbagai seni seperti suara yang enak didengar, kesepaduan antara ahli kumpulan dan inti pati daripada lirik yang dicipta berdasarkan isu semasa. Secara tidak langsung, masyarakat yang melihat persembahan Dikir Barat dapat memperoleh pengajaran sebagai contoh Dikir Barat telah menyatu padukan rakyat Kelantan dengan Thailand. Ini kerana perkataan Dikir Barat itu sendiri diambil daripada penggabungan negeri-negeri di Thailand. Sebagai buktinya, permainan Dikir Barat masih lagi dipersembahkan di Kelantan sehingga kini.

Menurut Omar (1989), tanpa kerjasama yang jitu, seluruh badan tidak dapat berfungsi dengan berkesan. Maksudnya disini, pelbagai watak yang dibawa dalam Dikir Barat antaranya ialah Tok Juara, Tukang Karut, awak-awok dan pemain muzik. Mereka saling bergantung untuk melengkapkan satu persembahan itu. Jika terkurang satu watak, kemungkinan besar persembahan Dikir Barat itu tidak dapat dijalankan kerana setiap watak itu dibawa oleh seseorang yang sudah pakar dalam bidang itu. Dalam erti kata lain, mereka sudah mempunyai aura tersendiri dalam membawakan watak tersebut sehingga ia boleh memberi pengaruh kepada orang yang melihat persembahan Dikir Barat itu sendiri. Antara watak yang terpenting adalah Tukang Karut. Ini adalah peranan Tukang Karut agak berbeza dengan yang lain dan seluruh persembahan bergantung kepada Tukang Karut itu sendiri. Baik atau buruk sesebuah persembahan itu bergantung kepada Tukang Karut. Kepakaran dalam menjadi Tukang Karut mungkin sukar ditemui dalam permainan lain. Ini kerana seorang Tukang Karut yang baik mesti mempunyai kemahiran mencipta lirik, menyusun idea secara bersahaja yang sesuai dengan tema yang sedang dipersembahkan dan seterusnya melagukan sesuatu melodi dan tema tertentu. Ini yang akan menentukan identiti seorang Tukang Karut itu sendiri.

Seterusnya, menurut Azmi Mohd Nasir (2011), Dikir Barat terhasil daripada kombinasi dua perkataan iaitu dikir dan barat. Beliau juga berkata melalui struktur dan bentuk prosa rakyat ini masih lagi kekal sebagai karya seni kerana masih lagi mengikut struktur sebuah puisi Melayu, iaitu terikat kepada bentuk pantun yang mempunyai ungkapan sejajar dan puitis. Jelas sekali, Dikir Barat membawa satu warisan seni kebudayaan yang tidak lagi didengari oleh generasi masa kini kerana wujudnya budaya lain yang lebih terpengaruh seperti budaya Barat. Warisan pantun dan syair tidak lagi diterapkan pada masa kini, Dikir Barat boleh menjadi solusi kepada masalah ini kerana ianya lebih menghiburkan. Menurut Tan dan Matusky (1998), Dikir Barat merupakan sebuah persembahan muzik instrumental dan puisi dinyanyikan. Lirik yang dicipta adalah pantun empat kerat yang dinyanyikan oleh Tukang Juara dan Tukang Karut. Ini adalah satu kreativiti yang amat unik jika diperlihatkan pada masa kini terutamanya kepada generasi masa kini. Ini kerana generasi kini tidak mendengar dan menganggap Dikir Barat sebagai satu bentuk hiburan dan ada sesetengah daripada mereka tidak tahu apa iaitu Dikir Barat. Jadi, jika ianya dipersembahkan dan dihidupkan kembali budaya Dikir Barat ini, ia mampu menjadi satu budaya yang membawa pengajaran kepada anak-anak muda disamping menghiburkan mereka.

Selain itu, menurut Norasmat Mustapha (1998) juga menyatakan lagu-lagu Dikir Barat di Kelantan mempunyai keunikan dengan mempersembahkan kepelbagaian unsur tertentu. Lirik atau seni kata memperlihatkan unsur keistimewaan sesebuah Dikir Barat berdasarkan aspek gaya bahasa, unsur bahasa dan bunyi bahasa, unsur pemilihan kata, sintaks dan inversi. Aspek gaya merangkumi gaya retorik, bahasa kiasan yang terdiri daripada asonansi, alitransi, anafora, simile, metafora dan sebagainya. Selain gaya bahasa, aspek pemikiran juga terpancar dalam lirik untuk dihayati, difahami dan ditaksirkan oleh khalayak umum sebagai pedoman dan pengajaran yang berguna. Semua yang disebut tidak lagi dipelajari oleh generasi masa kini kerana mereka lebih memberikan perhatian terhadap apa yang berlaku di Internet. Jadi, lirik yang dicipta dan dinyanyikan dalam Dikir Barat secara tidak langsung dapat mengajar mereka tentang wujudnya bahasa kiasan seperti yang disebut oleh Norasmat Mustapha (1998).

Tambahan pula, Dikir barat ini boleh dipersembahkan sebagai hiburan atau pun dipertandingkan (Tuan Yaacob, 2021). Permainan ini biasanya dimainkan oleh masyarakat pada musim menuai padi dan majlis perkahwinan. Pertandingan selalunya diadakan oleh persatuan-persatuan belia tempatan, badan-badan kerajaan ataupun orang-orang tertentu

untuk mengutip wang. Dikir Barat adalah satu permainan yang baharu jika dibandingkan dengan teater tradisional yang lain. Ini kerana perkembangannya yang sukar diatasi kerana ianya sering menerima perubahan dari bentuk persembahannya dari masa ke semasa mengikut perkembangan zaman. Menurut Mohd Sulhie Yusuf (2021), kesan daripada kemodenan ini telah membuahkan hasil yang positif dalam perkembangan seni dikir barat sehingga ke negara jiran seperti Singapura yang telah mula dalam dikir barat. Mungkin cara dimainkan agak berbeza tapi masih lagi dikenali sebagai Dikir Barat. Ini sebagai bukti yang Dikir Barat telah menarik minat negara luar untuk turut sama dalam memperkasakan budaya yang berasal daripada Kelantan, Malaysia. Oleh sebab itu, wajarlah Dikir Barat menjadi satu seni kebudayaan yang diperkukuhkan di Malaysia kerana ianya mempunyai peluang yang amat besar dari segi dunia hiburan. Menurut Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti Sains Islam Malaysia, Ismail Ahme (2021), sebagai seorang penggiat seni kita perlu sentiasa memikirkan strategi dan memanfaatkan segala ruang yang ada untuk mengembangkan lagi seni warisan budaya disamping menambah elemen-elemen yang sesuai bagi menampakkan keunikan dan kelainan. Beliau juga berkata, beliau melihat seni Dikir Barat sekarang jauh berbeza dengan zaman dahulu dimana pelbagai perubahan telah disuntik dan saya percaya sedikit masa lagi Dikir Barat mampu berdiri megah dalam dunia seni hiburan tanah air.

Menurut Seri Shinta Mohd Noor (2002), beliau menyatakan bahawa Dikir Barat merupakan satu elemen dan cara yang sesuai untuk mendidik masyarakat dalam menghargai nilai budaya bangsa. Penerapan elemen moral seperti menghormati orang sekeliling, berkasih-sayang, prihatin, toleransi, bekerjasama dan lebih bermasyarakat. Dikir Barat yang baik mengandungi pemilihan kata dan makna tersirat yang sesuai dijadikan tedalan untuk mendidik masyarakat dan menitikberatkan elemen ini dalam seluruh kehidupan. Pemantapan nilai moral ini akan membentuk sebuah masyarakat yang mementingkan perpaduan dan ikatan silaturahim yang utuh. Hal yang demikian, ini akan melahirkan satu generasi yang kukuh dengan nilai moral yang tinggi dalam diri. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Paimuzi Yahya (2016), beliau berkata penganjuran pertandingan Dikir Barat adalah bagi menarik minat golongan muda berhibur disamping menerima mesej dakwah kerana beliau melihat semakin ramai belia tertarik dengan perkara keagamaan dan ia tidak terhad kepada ceramah semata-mata. Jelaslah bahawa Dikir Barat berupaya menjadi satu cara untuk mendekati generasi masa kini yang gemar berhibur tetapi masih memperoleh ilmu yang berguna.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Seni Kebudayaan Dikir Barat.

Bersama-sama kami ialah En. Mohd Hanafiah Bin Yusoff yang merupakan seorang yang bergiat aktif dalam Seni Kebudayaan Dikir barat.

Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Mei 2021. Bersamaan hari Isnin pada pukul 11 pagi bertempat di kediaman tokoh dikir barat.

Temubual ini dikendalikan oleh Amira Natasha Binti Ahmad Roshidi dan juga Ummu Arifah Binti Mohd Dasuki. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

MHM: Kebetulan, saya bukan tokoh lagi. Saya ni tak dok lagi tokoh-tokoh ni (menggaru lengan) pengiat -- seni.

ANA: Saya tanya soalan mace *common* [biasa] dulu yang biasa. Nama penuh Encik Mohd Hanafiah Bin Yusoff, Encik umur berapa?

MHM: Tahun ni empat puluh empat [44]

ANA: Encik, tempat tinggal Encik sini la?

MHM: Tempat tinggal sini (mengangguk). Asal-- bukan sini, asal di (mengangkat tangan) Kampung Kuala Besar, Jalan PCB [Kelantan, Malaysia] sini menyewa.

UAM: Menetap la kiro.

MHM: Kira menetap di sini (mengangguk)

ANA: Encik lahir dimana?

MHM: Lahir di Kampung Kuala Besar [Kelantan, Malaysia] lah (mengangkat tangan)

ANA: Di sana jugak la (mengangguk)

MHM: Ya (mengangguk)

ANA: Kalau boleh nak tahu la tarikh lahir encik.? (menepuk tangan)

MHM: 1977. 28 April 1997.

ANA: Saya nak sentuh sedikit pasal *family* [keluarga] Encik, kalau Encik tak -- (pergerakan tangan). Nama-- ibu bapa Encik?

MHM: Nama arwah Ayah, Yusoff Bin Muhamad (mengaru tangan), nama arwah ibu Sapinah Binti Mat Hussin.

ANA: Bilangan adik beradik?

MHM: Saya ada empat belas [14] adik beradik,(sambil berfikir) lapan [8] perempuan enam [6] lelaki. Saya anak ke sebelas [11]

ANA: Encik sudah berkahwin?

MHM: Sudah (mengangguk) ada anak sore jate, dua puluh dua [22] tahun.

ANA: Bolehkah saya tahu tentang perkerjaan Encik selain aktif dalam dikir barat? [pergerakan tangan]

MHM: Saya (mengaru kepala) sebenarnya dikir barat ni minat, lepastu saya ada kerja sendiri doh, saya kerja sediri. Saya kerja sebagai pelukis *design* [reka bentuk] untuk batik.

ANA: Dikir barat ni sebab minat je la? (mengangkat tangan)

MHM: Dikir barat minat lepastu gapo eh hobi. Kebanyakan ore dikir ni dia asal daripada minat gitu. (mengangguk kepala)

ANA: Dikir barat yang Encik ada sekarang ni diwarisi oleh daripada keluarga ataupun daripada Encik sendiri? [gangguan bunyi pengisar]

MHM: Daripada keluarga saya sore jah

ANA: Encik sore jah? (mencatat)

MHM: Sebab arwah ayah [Yusoff Bin Muhamad] dulu pun menentang ore kato. (tersenyum)

ANA: Menentang jugak la?

MHM: Ya, Dia tak *buwi* [bagi].

UAM: So, [jadi] saya sambung. Kalau boleh saya nak tahu kenapa Encik pilih untuk bergiat aktif dalam dikir barat?

MHM: Okey. Pertama, takdi *uyak* [cakap] doh saya minat-- pahtu yang keduanya dikir barat ni jiwo ore Kelate [Kelantan, Malaysia]. Kalu ore Kelate [Kelantan, Malaysia] sebut kato Kelate [Kelantan, Malaysia] mano-- pun mesti dio tahu pasal dikir barat.

Kalu hok tok tahu tu mungkin jiwa dia tu kure mengenai seni dikir barat Kelate [Kelantan, Malaysia], gitu la. [bunyi ayam berkokok]

UAM: Boleh saya tahu tarikh ataupun tahun bila mula bergiat aktif dalam dikir barat?

MHM: Okey--. Minat nyo asal daripada kecik sebenarnya, daripada sekolah pun saya sudah ore kato ado kearah dikir barat tu tapi hanya ore kato suka-suka jah zame sekolah tu. Kira yang betul-betul saya aktif tahun sembilan belas [19] -- [sic] tahun 2000-- masa tu saya ore kato aktif dale dikir barat dan boleh dikatakan sebagai sumber pendapatan jugak la dale dikir barat. (mengangguk)

UAM: Pastu, apakah yang mendorong Encik untuk terlibat dalam dikir barat?

MHM: Okey. (sambil berfikir) benda yang buat saya terdorong untuk menceburi ore kato lebih lagi mengenai dale dikir barat ni, nombor satu [1] takdi jiwa saya sudoh-- sehati dengan dikir barat dan juga saya nak menyambung ore kato menyambung legasi arwah tok guru [Nordin Bin Yusuf] saya. Saya ni anak murid kepada arwah Megat Nordin [Nordin Bin Yusuf].

ANA: Oh, Megat Nordin [Nordin Bin Yusuf]

MHM: Ya, (mengangguk) Megat Nordin [Nordin Bin Yusuf]. Saya anak murid yang ke (sambil berfikir) empat [4] Megat Nordin [Nordin Bin Yusuf].

UAM: Lepastu, bagaimana Encik tahu tentang kewujudan dikir barat ni?

MHM: Tahu wujud dikir barat (sambil berfikir) ni maso kecik tu saya tahu doh. Saya tahu doh ado doh dikir barat. Lepastu daripada situ la (mengaru lengan) capur dengan kita suka kita minat. Pahtu, daripada situ la (mengangguk) maknanya daripada seingat saya (sambil berfikir) tahun 1986 saya telah mengikuti satu persembahan dikir barat [gangguan bunyi] tidak terlibat tapi, kita pegi-- gi tengok--

UAM: Gi tengok

MHM: Hoe, gi tengok tahun 1986. Tahun 1986 tu dikir barat masa tu dia *start* [mula] pukul sembilan [9] dia habis sapa pukul tiga [3] pagi. Saya *dea* [sempat] la masatu. (mengangguk)

ANA: Sembilan [9] malam sapa tiga [9] pagi?

MHM: Sembilan [9] sapa tiga [3] pagi dulu. Loni tok leh doh.

UAM: Okey, lepastu dari manakan Seni Warisan Kebudayaan ini diperoleh?

MHM: Seni -- dari mana Seni --

UAM: Warisan diperoleh, maksudnya Encik ni dapat ilmu, belajar dari mana?

MHM: Okey. Saya belajar dari dengan arwah [Nordin Bin Yusuf] sebelum saya belajar tu pun saya sudah ado ore kato sikit-sikit mengenai ilmu dikir barat ni tahu lah. Tahun sembilan puluh [90] gitu saya pernah -- ore kato pernah mengikuti persembahan-persembahan dikir barat ni. Sebab kampung saya pun ado kumpulan dikir barat yang maso-maso dulu tu. Jadi maso diore berlatih saya gi -- tengok jah gi tengok pahtu kita tengok. Pahtu kita tengok la dale dikir barat tu ni dia ada gapo [isyarat tangan] dia ado alat-alat muzik dia, dia ado tuke nyanyi, dia ada tok jogho, dia ada tuke karut. Daripada situ kito ado kito belajar *bele-bele* [sambil-sambil] tengok, *bele-bele* [sambil-sambil] kita belajar.

UAM: Sapo yang perkenalkan dikir barat ko Encik ni? Secara spesifik la, seingat Encik sapo?

ANA: Sapa lani hok Encik ingat.

MHM: Okey. (sambil berfikir) rasanyo sebab kampung saya tu dulu dia ada pasukan dikir barat (menepuk tangan). Jadi daripada rumah ke tempat nok gi tempat -- tempat dia berlatih tu boleh dengar dia -- boleh dengar apa dia tu bunyi. Jadi kita gi la. Maknanya tak dok ore kenal pun. Daripada ore kato aura bunyi tu sendiri kita sudah --

UAM: Tergerak nok gi

MHM: Sudah -- tertarik sudah gerak hati nok -- gi dengar.

UAM: Okey, pastu siapakah yang menjadi inspirasi kepada Encik dale dikir barat ni? [gangguan ayam berkokok]

MHM: Okey, Sudah semestinya arwah mahaguru [Nordin Bin Yusuf] saya.

ANA: Okey, Megat Nordin [Nordin Bin Yusuf]

MHM: Hoe, Megat Nordin [Nordin Bin Yusuf] (mengangguk)

UAM: Okey. Kenapa beliau menjadi inspirasi kepada Encik? [bunyi ayam berkokok]

MHM: Bagi saya beliau ni, saya letok beliau sebagai raja dikir di Malaysia. (mengangguk) Sebab beliau ni dari segi peribadi dia, dari segi masa beliau buat persembahan, karakter beliau atas-- pentas. Lepastu pergaulan dia (pergerakan tangan) dengan--

sahabat-sahabat, pengiat-pengiat seni. Jadi lepastu hok nombor satu [1] sekali, suara dia.

ANA: Soro dia (mengagguk)

MHM: Soro dia bagi sayo satu dale sejuto [1,000000]

UAM: (Ketawa kecil)

MHM: Memei tak dok lah.

UAM: Keistimewaan la tu kiro (mengagguk). Secara umum lah, apa keistimewaan dikir barat yang dapat dilihat oleh Encik?

MHM: Keistimewaan Dikir barat tok leh nok gambar dari segi kata-kata. Sebabnyo hanya ore yang betul-betul faham apa itu dikir barat, (mengerakkan tangan) sebab dikir barat ni dia tidak samo dengan menyanyi apa ni mace dengan menyanyi Arus Perdana ni dia tidak sama. Dikir barat ni dia ada maso harini kita *soro* [suara] gagoh sikit kita boleh gi laju lagi (pergerakan tangan) ataupun kita boleh tuju lagi, ada masa kita suara tak berapa nok gagah kita *down* [rendahkan] sikit. Mace nya penyanyi Arus Perdana, dia ikut muzik. Kalu muzik tu asal A minor dia *segar* [sihat] koe dia tak *segar* [sihat] dia boleh gi nge A minor [gangguan bunyi pengisar]

UAM: So, [jadi] boleh tak Encik ceritakan tentang keistimewaan dikir barat yang menarik minat Encik untuk menyertai dikir barat ni. [gangguan bunyi pengisar]

MHM: Okey. Nombor satu [1] dikir barat ni dia berpasukan. Sebabnyo apabila berpasukan mace-mace ore ado (mengerakkan tangan). Jadi daripada situ kita boleh kenal *saing* [kawan] kita boleh kenal-- kita akan boleh sahabat baru ataupun *saing* [kawan] baru. Jadi sahabat baru *saing* [kawan] baru, lepastu tempat yang kita tak pernah pergi. Jadi kita boleh kenal tempat ore dale kita berdikir barat (mengerakkan tangan)

UAM: Pada pendapat Encik apakah kelemahan dikir barat yang dapat dilihat?

MHM: Ok. Kelemahan dikir barat di sini saya napok daripada mulo-mulo saya kenal dikir barat sapa ko loni (mengerakkan tangan) disiplin-- dari segi pasukan dikir tu sendiri. Jadi biaso la dale setandang pise dia ado-- hok buruk, sama macam dikir barat.

UAM: Sebab dia berpasukan kan.

MHM: Dia ramai-ramai. (mengagguk) Apabila ramai ni dia mesti ado hok-- ore kato hok karut sore, hok jenis batu api ko (mengerakkan tangan) gitu la-- dale dikir. Tu la hok saya paling napok kelemahan dio dikir barat ni

UAM: Ok. Berdasarkan apa yang Encik lihat adakah remaja masa kini masih menerima baik aktiviti dikir barat?

MHM: Ya, betul. Saya setuju. Remaja sekarang ni pun pelapis-pelapis baru ni ado yang minat--. Lepastu ada jugok hok tak berapa nak minat, sebab dia tak tahu-- gapo dio Dikir barat, dan saya puji la kepada pemain-pemain muda hok peringkat-peringkat baru ni dia minat dikir barat, dia nak dikir barat (menggenggam tangan)

UAM: Apakah cabaran yang Encik hadapi sepanjang menceburi bidang Seni Kebudayaan ini?

MHM: Saya raso saya berpeluang buat 'Malaysia Book Of Records' tu lah.

UAM: Hok tu lah?

MHM: Hoktu lah paling manis.

ANA: Ada tak kenange buruk?

MHM: Kenange-- buruk, kenange-- pahit lah? Kenange pahit saya ditipu, apabila saya ditipu oleh orang tengah maso gi Singapura [Singapura].

ANA: Ore tengah?

MHM: Ho (mengangguk), maso -- gi Singapura [Singapura] ore tengoh. Ore hok bawok saya [bunyi ayam berkokok]. Selepas pado semua-- tu, sayo sepatutnya sayo dibayar dengan duit Singapura [Singapura] tapi dia bayar duit Malaysia. Sepatut saya boleh dale duo belas ribu [12000] [Ringgit Malaysia] saya sore (mengangguk). Setelah di- - ditukar kepada duit Malaysia, sepatutnya saya boleh duo belas ribu [12000] [Ringgit Malaysia] tapi dia bayar saya duit Malaysia, saya dapat tigo ribu [3000] [Ringgit Malaysia] jah.

ANA: Encik pernah lah raso *down* [tidak bersemangat]?

MHM: Meme lah. Pahtu lagi kenangan pahit lagi saya dituduh make *pitih* [duit] ore dikir. Ha gitu lah (mengangguk) (bunyi ayam berkokok). Ngupoh-- seribu duo ratus [1200] [Ringgit Malaysia] jah sepasukan tu (membuat isyarat tangan). Maso tu saya buat *show* [persembahan] di hotel apa tu (menunjukkan arah) tepi sungai tu?

ANA: Riverview [Kelantan, Malaysia]?

MHM: Riverview [Kelantan, Malaysia] tu deh? Ha, Riverview [Kelantan, Malaysia] (mengelap tangan). Ha, ngupoh seribu duo ratus [1200] [Ringgit Malaysia]. Jadi, penganjur tu pulok dio silap. Sebenarnyo, program tu melalui saya (membuat isyarat

tangan). Sepatutnya penganjur keno bayar *pitih* [duit] sayo, dio gi bayar ko ketua pasukan. Ho, dio gi bayar ko-- pado ketua pasukan. Jadi, hok ngupoh saya pun duduk situ jugok kei. Ngupoh sayo dale tigo ratus [300] [Ringgit Malaysia] jah. Tigo ratus [300] [Ringgit Malaysia], ngupoh tu ko saya tigo ratus [300] [Ringgit Malaysia], jadinya seribu duo ratus [1200] [Ringgit Malaysia]-- seribu duo ratus [1200] [Ringgit Malaysia] tolak enam ratus [600] [Ringgit Malaysia] jadi enam ratus [600] [Ringgit Malaysia]. Eh bukan tigo ratus [300] [Ringgit Malaysia], duo ratus [200] [Ringgit Malaysia] jah (berfikir). Ho, saya duo ratus [200] [Ringgit Malaysia], tuke karut duo ratus [200] [Ringgit Malaysia], hok-- dio lape ratus [800] [Ringgit Malaysia], saya empat ratus [400] [Ringgit Malaysia] (tunjuk diri sendiri). Jadi, saya gi mitok -- nge pengurus tu. Dio kato “buke demo ado doh ko? Buke ko penganjur sayo *buwi* [bagi] demo belako doh”. Esok kei tu-- viral lah kata saya ni make *pitih* [duit] dikir empat ratus [400] [Ringgit Malaysia]. Padahal atas empat ratus [400] [Ringgit Malaysia] tu saya *buwi* [bagi] pulok duo ratus [200] [Ringgit Malaysia] ko tuke karut. Pahtu mari lah *gege* [heboh]. “Raden make *pitih* ore dikir”. Situ-- meme saya *down* [tidak bersemangat] situ, saya *down* [tidak bersemangat] sampai ko saya nok bereti. Meme sedih *gitumo* [sangat-sangat]. Kebetule anak saya nok ambik UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] _____. Mugo nak gi hantar tuisyen gapo lagi kei. Jadi tuisyen male, nok-- gi dikir *tok dei* [tak sempat] doh la. Jadi, saya berhenti, limo [5] tahun saya berhenti. Sapa ko ramai *saing-saing* [kawan-kawan] saya pakat tanya belako. “Demo tak dikir doh ko?”. “Tok dikir doh *relax* [berehat] *semeta* [sekejap] sebabnyo ore kato kawe make *pitih* [duit] dikir. Maknonyo kalu kawe make *pitih* [duit] jasa dikir, kawe nok tahu kawe tok dikir kawe boleh make ke dok.”

ANA: Betul jugok dok nak tunjuk.

MHM: “Kawe tak dikir boleh kawe make ke dok, kawe boleh hidup ke dok, kawe boleh *pero* [peliharaan] dok anak bini kawe? Maknanya kawe boleh make, kawe boleh *pero* anak bini kawe. Kawe boleh mewoh su-- supo *sekalo* [biasa]”. Ha, supo zaman-- jago ore dikir. Jadi, lepah pada tu, 2017 (mengangguk) ado ore mari pulok suh nyanyi mula. Ha (mengangguk), situ lah timbul lagu sayo lagu ‘*Segar Angin*’ tadi. Lagu tu meme keno denge saya, keno denge ore dikir. *Rajin* [pernah] dengar doh lagu tu?”

UAM: Tak *rajin* [pernah] lagi. Nanti sayo dengar (mengangguk).

MHM: Nati dengar deh.

ANA: Okey, nama *famous* [terkenal] Encik terkenal sebagai Raden Mas Uji, gano boleh ado nama tu (membuat isyarat tangan)?

MHM: Okey, nama tu ore RTM [Radio Televisyen Malaysia] *buwi* [bagi].

ANA: Oh, ore RTM [Radio Televisyen Malaysia] bagi (mengangguk).

MHM: Ore RTM [Radio Televisyen Malaysia] (mengangguk). Saloh sore DJ tersohor Kelantan FM dulu, Abe Noor Jaafar [Noor Aziz Bin Jaafar]. Ha, dio bagi namo tu saya. Maso tu nok boleh ko namo tu dio *buwi* [bagi] maso tu maso sayo gi masuk tandinge dikir barat. Sehari ni dio keno buat di-- (menunjukkan arah) dio buat di RTM [Radio Televisyen Malaysia] Kelate [Kelantan, Malaysia] lah. Dio buat situ. Ramai-ramai keno gi kei. Pahtu sapa giliran sayo, doh keno tu, dio dengar lah soro saya *gini* [macam ini]. “Oh soro demo supo Megat Nordin [Nordin Bin Yusof].” “Saya anak murid dio.” Makna kito tidok *oyap* [cakap] lagi kito belajar nga dio. Ho pade pung dio kato. Namu gapo demo sohor?” “Takdop namo lagi abe, namo gitu jah namo biasa-biasa.” “Kalu Megat-- ni keturunan bangsawan kalu Jawa dulu. Megat-- ni. Kalu Megat, demo kawe *buh* [letak] Raden lah gitu. Raden -- Raden ni dio kiro anak-beranak lah nga Megat ni.” Nga Megat tu keturunan Jawa bangsawan ni. “Saya ikutlah abe.” “Raden Mas. Namu gapo demo?” “Uji.” “Okey, Raden Mas Uji.” Sampai ko hari ni boleh cari make dengan namo tu.

ANA: So [jadi] mace takdop lah mace (membuat isyarat tangan) pihak ketiga mace cakap ko Encik tak layok dengan gelaran tu, ado dok? Pernah ko? [bunyi ayam berkokok]

MHM: Takdok lagi (menggeleng).

ANA: Takdok?

MHM: Ho (mengangguk).

UAM: Boleh dok Encik nyatakan sedikit pendapat tentang dikir barat ni? Maksudnyo mace nga loni dikir barat.

MHM: Okey pendapat saya dikir barat loni, kito semua tahu loni zame-- pandemik. Persembahan sapo-- pung tokleh nok wak persembahan. Jadi, ore dikir terkesan dengan suasana PKP. Lepah tu, kalu nok dibandingkan dengan zame dulu sapa ko loni meme bezo banyok lah dikir barat. Dulu, kalu dulu ore Gua Muse [Kelantan, Malaysia] nok dengar Megat Nordin [Nordin Bin Yusof], dio keno panggil Megat Nordin [Nordin Bin Yusof]. Maknanya, ore suko boleh tengok-- boleh tengok tuan

asal nyanyi. Tapi loni, ore lain nyanyi lagu tu. Jadi, situ bezo *so* [satu]. Pahtu tu lagi tu loni timbul mace-- timbul. Tok sedak ado, hok sedak tu okey. Hok tok sedak masalahnya ore nyanyi hok tok sedak (menggaru kepala). Jadi kure. Hok tok sedak nyanyi lagu kito. Jadi, kito dengar pung raso, "Aloh tawarnya lah raso." Kalu hok sedak takpo. Ho, tu lah perbezaan hok dulu nga hok loni. Meme banyok lah perkara (membetulkan topi). Ho, mace-mace supo-- lah [gangguan bunyi telefon] tok jogho ko tuke karut ko penyanyi ko. Takdok ore loni dio mudah, dio takdok inisiatif sendiri, dio buat dio cipta lagu sendiri. Ado tidok ramai lah hok *peseng* [jenis]-- gitu. Hok ramai nyo *peseng* [jenis] suko ambil lagu-lagu ore. Ho, gitu lah. Dari segi kelebihan pulok, dulu -- dulu boleh katakan [gangguan bunyi telefon] saya pernah satu bule tu saya dapat duo belas ribu [12000] [Ringgit Malaysia]. Maso saya mudo, tak keno wak kijo doh, saya nyanyi saya gi tempat dikir.

UAM: Fokus ko hoktu jah (mengangguk).

MHM: Setiap male, setiap hari saya dikir. Male Jumaat pun saya dikir. Maso tu saya duk hotel lah. Hotel kan takpo (gangguan bunyi). Gitu lah dulu nga loni. Loni, dio ke arah moden sikit, digital sikit. Kalu dulu, kita nok nyanyi selagi tok guru kita tak lepah kito tokleh nok nyanyi (membuat isyarat tangan). Saya belajar nga Megat Nordin [Nordin Bin Yusof] duo [2] tahun, tahun 2000 (berfikir). Tahun 1998 tu, tahun 2000 baru-- dio lepah saya untuk-- di khalayak ramai (membuat isyarat tangan). Dale tigo [3] tahun ado, tigo [3] tahun. Loni, telefon aku ikut aku lah (membuat isyarat tangan). Ha, demo nok *post* [muat naik] kot FB [Facebook], IG [Instagram] demo (membetulkan topi). Tapi ho gitu lah maknanyo kito dengar, "tokleh nok nyanyi lagi ni budok ni". Tapi-- kito nok larang tokleh sebab telefon dio.

UAM: Ho (mengangguk), hak dio.

MHM: Facebook dio, platform dio. Jadi kalu mace nga dok lah untuk dio tu okey lah. Kalu nga mace kito ni (menunjukkan diri sendiri) komposer ataupun-- atau penerbit, ho dio tu tidok layak lagi lah setakat untuk dio jah lah. Ha, *gitu* [macam tu] lah (mengangguk).

UAM: Seperti yang kita dapat lihat kan (bunyi ayam berkokok), loni kan mace (membuat isyarat tangan), dikir barat mace tak *famous* [terkenal] sangat doh.

MHM: Betul (mengangguk).

UAM: Betul kan?

MHM: Betul-- (mengangguk).

UAM: So, gapo punca?

MHM: Punca dio sebab takdi lah sebab terlampau banyak platform (membuat isyarat tangan). Kalu dulu, okey dulu deh saya ado album gitu banyak-banyak kan. Saya nok-- boleh ko saya ado dale album tu, pe-- penerbit album tu akan gi-- nilai (membuat isyarat tangan). Saya masuk tanding, dio gi nilai--. Dio *select* [pilih] -- “Ho, okey dio ni *gini* [macam ni] --” Jadi, dulu ado ore tulis, dulu ado ore nilai kito. Loni takdok, kito sendiri nilai diri kito. Nyanyi-nyanyi *post* [muat naik] dale FB [Facebook] *post* [muat naik] dale IG [Instagram]. Pahtu hoktu yang jadi nilai takdok tu. Hok tok sedak pun boleh-- nyanyi. Hok tok sedak pung boleh buat apo nih (membuat isyarat tangan) buat-- single lah, wat *cover* [rakaman baharu lagu penyanyi asal] lah. Hoktu yang jadi nilai penyanyi-penyanyi, ore hok dulu-dulu, hok betul-betul -- sedak jadi duduk belake (membuat isyarat tangan) sebab *puok-puok* [kumpulan-kumpulan] ni lebih menonjol daripada kito. Dio-- meme gitu lah adat kito ni. Hok-- gano eh? Hok sohor, tok sohor mana. Hok tok sohor, sohor (mengangguk).

ANA: Ho, betul (mengangguk).

MHM: Ha, dio *gitu* [macam tu] lah. Hok tok sedak ni gak hari-hari bubuh dale FB [Facebook]. “terima kasih lah ado ore mitok saya suruh *cover* [rakaman baharu lagu penyanyi asal] lagu ni”. Ado semale baru saya dengar. “Budok ni *koya* [perasan] nyo.”

ANA:UAM: (ketawa kecil)

MHM: Ho ado ore mitok saya suruh *cover* [rakaman baharu lagu penyanyi asal] lagu ni, dio pun nyanyi. “Allah kato tak layok lagi kato sebenar ni.” Tapi takdok aroh lito nok lare tokleh. Kito nok lare tokleh. Hok tu jadi nilai dikir barat kito koho lamo jadi koho malap-- pahtu gak campur pulok dengan zame loni. Nga musim COVID [Coronavirus Disease] jadi koho malap-- terus. Jadi, pihak-pihak-- kami ni hok otai-otai hok lamo ni terpaksa keno *push* [usaha] balik. Keno *push* [usaha] balik kito punya kredit-kredit kito (mengangguk). Tu loni saya buat (menunjukkan ke arah komputer). Terpakso saya keno buat-- lagu sendiri [bunyi ayam berkokok] saya *push* [usaha] balik. Ore panggil keno--.

UAM: Keno aktif semula?

MHM: Keno tubik-- balik muko kito. Kalu tidok dio akan timbul *puok-puok* [kumpulan-kumpulan] tu hok-- tok tahu mari mano. Tubik dale pusu. Saya-- kalu istilah saya kalu budok-budok baru ni saya panggil istilah saya-- spanggil tubik dale pusu. Sebab ore tubik dale pusu ni dio takdok guru. [ganguan bunyi suara orang].

ANA: Ikut main.

MHM: Ho, dio pandai nga sendiri (mengangguk). Dio tak belajar (batuk). Dio nyanyi dengan takdok ilmu (membetulkan topi).

UAM: Boleh dok Encik nyatakan satu (ganguan bunyi) maksudnya kelebihan dikir barat hok mace boleh *attract* [menarik] lagi ore hok loni. Tarik minat budok-budok mudo zame loni (membuat isyarat tangan).

MHM: Okey, nombor satu sekali bagi saya adalah pado lirik lagu (mengangguk). Loni kan ore suko bendo *viral* [tular]. Ore suko bendo *viral* [tular] maknanya lirik tu, lirik *viral* [tular]. Saya bagi contoh lagu '*Guano Preh*'.

ANA: Ho, "*Guano Preh*" (ketawa).

MHM: Ha (mengangguk). '*Guano Preh*' (mengangguk). Maknanya walaupun lirik dio tu kito kato takdok, tokleh-- nok ambil iktibar. Tokleh nak ambil gapo doh ore paggil? (berfikir) Kito-- nok buat sebagai pedoman ko gapo ho lirik tu meme tokleh lah (membuat isyarat tangan). Tapi dio-- ni *viral* [tular], dio nyo *viral* [tular]. Maknanya bendo tu, "Ho guano preh?". Gi mano-mano tu ore akan ikut. Tak kiro --. Lagu tu tigo [3] bule, tigo *point* [perpuluhan] tigo [3.3] juto, lagu tu (mengangguk sambil membuat isyarat tangan) dale maso tigo [3] bule. Maknanya lagu *viral* [tular]. Jadi automatic dio akan jadi ikutan. Tak kiro gi mano-mano pun (menyanyi). Maknanya bendo-bendo *gitu* [macam tu] lah sebenarnya hok-- hok boleh tarik minat. Ho, boleh tarik minat selain pado ado unsur-unsur nasihat ko sikit. Kalu dio boleh bubuh unsur-unsur nasihat lagi *molek* [bagus]. Ha, lagi bagus (mengangguk).

UAM: Sebab asal dikir barat ni kito bagi nasihat kan?

MHM: Ho (mengangguk), meme asal dikir barat ni pun kito selit unsur-unsur nasihat, unsur-unsur puji ore tino *gitu* [macam tu] (mengangguk).

UAM: Okey, mace Encik tengok lah loni kan, banyak lagi dok dikir barat, pertandingan dikir barat hok ore anjur ko mana-mana? (membuat isyarat tangan)

MHM: Sele -- selepas pado COVID [Coronavirus Disease] sere kito ni, dikir barat ni meme, pertandingan tu meme kure-- sangat lah. (Berfikir) kalu ado pun, tahun lepah *so* [satu] jah, kalu ado pun. Ho, tahun lepah dio buat ni JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] Kelantan, Tanjung Chat [Kelantan, Malaysia] ni (menunjukkan arah). Situ *so* [satu] jah dio buat. Hok tu pun pertandingan dale norma baharu. Mknanya jaraknyo, dengan jaraknyo dengan-- penonton takdoknyo. Meme tak suko lah tanding *gitu* [macam tu].

UAM: Betul lah (mengangguk).

ANA: *Effect* [kesan] dio hidup dok? (membuat isyarat tangan)

MHM: Meme-- kito beraso serupo buke tanding lah (menggeleng). Sebab tanding-tanding ni, kot mano-mano dio keno ado penonton baru aura tu dio mari. Kito-- (membuat isyarat tangan), ore peserta pertandingan pun jadi lain macam sikit.

UAM: Semangat (mengangguk).

MHM: Ho (mengangguk). Kalu dulu meme pertandingan tu ado sokmo lah. Hok RTM [Radio Televisyen Malaysia] buat, hok JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] buat, pahtu hok individu-individu lain buat.

UAM: *So* [satu] lagi (membuat isyarat tangan), kalu dale pasukan dikir barat kan ramai awak-awak pastu pemuzik. Biasanya, meme semua ore Kelate [Kelantan, Malaysia] ko ado daripada negeri lain (membuat isyarat tangan)?

MHM: Boleh (sambil berfikir) dikatakan ore Kelate [Kelantan, Malaysia] belako lah (mengangguk).

UAM: *Mostly* [kebanyakan] la semo ore Kelate [Kelantan, Malaysia] (mengangguk)?

MHM: Ho, Kelate belako lah (mengangguk) kecuali-- ore Kelate [Kelantan, Malaysia] hok duduk sebelah luar (membuat isyarat tangan). Jadi, mungkin dio ado *saing-saing* [kawan-kawan] hok kenal dio (mengangkat tangan) __ __ __. Tapi, setakat hari ni rasanya kalu ado pun Singapura [Singapura] jah lah. *Gitu* [macam tu] lah. Cumo Singapura [Singapura] ni dio ke aroh --. Boleh dikatakan melayakkan dikir barat tapi sebenarnya bagi saya Singapura [Singapura] ni dio ke arah persembahan. Dio persembahan. Buke dari segi-- buke dari segi *originality* [keaslian] dikir barat dok. Dio ke aroh persembahan. Lagu dio pun kito tok suko dengar. Lagu dio jadi buke-- dikir barat. Buke dikir barat (menggeleng). Dio jadi kalu pantun pun dio jadi pantun

enam [6] kerat. Ha, kito dikir barat pantun empat [4] kerat jah. Dio jadi enam [6] kerat, lapan [8] kerat lah, jadi dua [2] kerat lah mace-mace.

UAM: Tak cukup syarat lah kiro?

MHM: Ho-- (mengangguk).

ANA: Dale hok maso dua ribu lapan [2008] ko maso Encik gi tanding, ado dok mace budok lagi hok-- jadi pasukan Encik? Paling mudo lah berapa umur? (membuat isyarat tangan)

MHM: Paling mudo (berfikir), enam belas [16].

ANA: Enam belas [16]?

MHM: Ha, enam belas [16] (mengangguk). Ho, paling mudo.

ANA: Okey, Encik. Ado had dok mace, mace?.

MHM: Pertandinge ni takdok (menggeleng sambil membetulkan topi). Ho, ikut jah (mengangguk).

ANA: Ikut je lah berapa umur?

UAM: Had umur takdok lah? Ikut je sapo-sapo?

MHM: Ho (mengangguk). Maknanya-- tidok lah muda sangat kan, tidok tua sangat. Umur duo belas [12] pun, kalu badan besar sikit boleh doh (membuat gerakan tubuh). Mace tu lah.

ANA: Okey soale mace ngelah ni (gangguan bunyi motorsikal). Harapan Encik terhadap masyarakat lani terhadap dikir barat ni?

MHM: (Berdehem) Okey, kito nok harap lani nyo, *mugo* [benda] nyo kito tok tahu COVID [Coronavirus Disease] ni habis kito tok tahu-- habis bilo (membetulkan topi). Jadi, tu lah nok harap dikir barat ni tidok mati (mengangguk). *Kot* [macam] mano pun COVID [Coronavirus Disease] masih ado. Dan jugok, kalu COVID [Coronavirus Disease] ni pun, silap hari bulan salohnyo kita boleh mapuh COVID [Coronavirus Disease] ni, harap-harap dikir barat jangei *mapuh* [abaikan]sebabnya dikir barat ni salah satu kito panggil gapo ni (berfikir). Warisan-- daripada ore dulu-dulu kito tinggal kito (membuat isyarat tangan). Dikir barat ni, *mene* [mainan] dikir barat ni walaupun kita ore Kelate [Kelantan, Malaysia], kito duduk di Kelate [Kelantan,

Malaysia], tapi dikir barat ni ore dengar di Amerika [United States] (menunjukkan arah). Ha (mengangguk). Lagu 'Ambo Raso Bekene' pernah sapa doh di London [United Kingdom]. Megat Nordin [Nordin Bin Yusof] bawok tu. Ho lagu tu (mengangguk). Dia pernah-- gi nyanyi di-- London [United Kingdom] (mengangguk). Lagu dikir barat (mengangguk) --magnanya bebas lagu dikir barat. Jadi, kalu kito-- tidok jaga, sapa dio lagi. Ore-- Kuala Lumpur [Malaysia] dio tahu dikir barat, kito ore Kelate [Kelantan, Malaysia] lah jago dikir barat. Jadi, kito keno jago lah. Hok tu lah harape nyo, bilo kalu ado pelapis-pelapis baru pun, biar dio ni belajar lah utama sekali keno belajar. Dio keno belajar, dio keno berguru. Dio keno tahu gapo namo dikir barat, gapo namo lagu-lagu dale dikir barat, gapo namo alat-alat muzik dikir barat. Jange satu hari duk campur dikir barat ni dio ado dram, dio ado gitar, hok tu buke Dikir barat (membuat isyarat tangan). Hok tu akustik dio panggil. Dikir barat dio keno ado limo [5] atau enam [6] *karo* [perkara] ni jah (menunjukkan kearah alat muzik).

ANA: Kalu Encik sendiri lah (membuat isyarat tangan), gapo peranan hok Encik akan buat mula-mula untuk naikkan nama dikir barat ni?

MHM: Nombor satu [1] sekali, saya nok-- (membetulkan baju) gapo ni tujukan kepada persatuan-persatuan dikir barat (mengangguk)--. Di Kelate [Kelantan, Malaysia], kita ada persatuan dikir barat, pendikir. Persatuan-persatuan dikir barat Kelate [Kelantan, Malaysia], pendikir -pendikir ni untuk dio, ore kato perhidup balik suasana dari segi selepas pada ni lah. Dari segi, (berfikir) kijo-- nok buat-- strategi, nok atur, nok-- kemas balik persembahe- persembahe dikir barat nok *buwi* [bagi] jadi merioh supo dulu-dulu. Maknonyo, setiap minggu ataupun setiap bule, ado persembahan (membuat isyarat tangan) *hok* [yang]-- dianjurkan oleh persatuan buke dianjurkan oleh kerajaan ko gapo dok (mengangguk) biar ado gitu. Sebabnyo kito nok perhidup-- balik. (Berdehem) kito nok perhidup balik sambil kito nak cari pelapis-pelapis baru, ado kei lagi pertandinge-pertandinge, kito nok cungkil bakat-bakat baru *hok* [yang]-- bertauliah. Kito tokse *hok* [yang]-- duk *post* [muat naik] dale FB [Facebook], hok tu kito tokse *gitu* [macam tu]. Kito nak biar-- ado ore nilai, (mengangguk) biar ado ore nilai untuk-- pemenang ni dio gi lebih jauh supo kito zame loni jugok. Okey, tokse gi nga tok tahu, dengan tok khabar. *Gitu* [macam tu] lah (mengangguk). Meme dio akan-- lari lah kalu gi ngan tok khabar gitu, dio akan lari. Dio akan masuk dram, dio akan masuk gitar, dio akan masuk DJ apo ni (menggerakkan tangan). Hok tu dio jadi, kito takut-- kito jadi *gitu* [macam tu] lah

sikit lagi. Ho, sebab muzik loni pun, kito tengok ni muzik dikir barat loni pun nok -- gi ko moden lagu *remix* [pencampuran] pun ado [bunyi ayam berkokok]. Sayo sendiri pun buke kato ko ore lain. Sayo sendiri pun *try* [cuba] buat, ore kato buat kelaine. Kito sendiri pun (ketawa kecil) (menunjukkan diri sendiri) (bunyi ayam berkokok) turut buat gitu (ketawa kecil). Tapi, hanya untuk kito je lah, buke untuk kito tengokkan. Buke kato kito nok, “Eh, demo keno tukar”. Dok (membuat isyarat tangan). Loni duk tengok dikir barat versi reggaeton (bunyi ayam berkokok) ho apo ni *remix* [pencampuran] (terbatuk).

UAM: Okey, so [jadi] Encik, ini soalan terakhir (membuat isyarat tangan), apakah usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam membantu memartabatkan semula seni warisan dikir barat ni? Pada pendapat Encik lah.

MHM: Kalu kito tengok nyo, dio *so* [satu] jah dio keno buat pertandingan. (Mengangguk) dio keno buat pertandingan untuk hidup kei balik

ANA: Untuk hidup kei balik la.

MHM: Sebabnyo kalu dio tok buat pertandingan, pasuke-pasuke dikir hok sedap-sedap ni, dio tokleh nok-- tonjolkan diri. Dari-- pertandingan lah *pok-pok* [pasukan] hok sedap-sedap ni dio boleh tonjolkan diri. Juri ake nilai, pengadil ake nilai. Jadi automatik ore luar pun ake-- tengok [bunyi ayam berkokok]. Kalu loni kito ado *live* [siaran langsung] FB [Facebook]. Ha, jadi loni jadi tidak ataupun loni tidak semestinya ore dilantik, penonton boleh jadi pengadil loni. Demo ake *baloh* [bergaduh] samo-samo *puok* [kumpulan] demo lah. Ho harini tubik *result* [keputusan] “okey demo ni menang”. Seminggu-- tu netizen-netizen duk main duk *babak* [bertengkar] (membuat suara huru-hara). Tapi takpo lah sekurang-kurangnya jadi dio boleh-- dio boleh merioh. Jadi, [bunyi ayam berkokok] sayo raso gitu la. Selain daripada pertandingan, penyanyi-penyanyi hok ado selain daripada tu, dio keno tonjolkan balik diri dio. Loni kei kito ado artis-artis dikir barat ni pun dio ado platform dio sendiri, FB [Facebook] ko, *pages* [Halaman] ko, YouTube ko, semo ni ado YouTube sendiri untuk nok-- *post* [muat naik] lagu ko mace sayo sendiri pun sayo ado YouTube saya sendiri ‘AddmmasEntertainment’. Karya-karya sayo hok baru-baru semua saya *buh* [letak] dale tu. Ha, __ __ __. Loni pun saya tengah ore kato cari budok-budok baru, bakat-bakat baru, saya buat lagu, okey kito *record* [rakam]--, kito shoot [penggambaran] - - buh dale YouTube. *Gitu* [macam tu] lah. Loni nok wak album tokleh doh, CD tak

laku doh. Hanya cari make *kot* [melalui] YouTube je lah. *Gitu* [macam tu] je lah Boleh lah sikit-sikit dale YouTube tu.

ANA: Encik ado *side income* [pendapatan sampingan] jugok lah kot YouTube?

MHM : Ado-- (mengangguk). Saya dapat dah-- (mengambil kertas menunjukkan bayaran dari YouTube) daripada YouTube ni duk sini. Ni saya tak ingat. Setakat ni (berfikir) tigo [3] kali bayar. Tak ingat berapa, tok banyak.

UAM: Maknanya ado lah walaupun sikit?

ANA: Tapi ado la (mengangguk)

MHM: Nok kato banyak supo-- Syahmi Sazli [Muhd Syahmi Bin Sazli] tu boleh la (membetulkan topik).

UAM: (ketawa kecil)

MHM: Nok-- lintah dio jauh payoh doh sebenarnya dio dale Kelate [Kelantan, Malaysia] ni Syahmi Sazli [Muhd Syahmi Bin Sazli] ngei Alif Ipe [Muhammad Aliff Irfan Bin Aziki] ni payoh doh tapi boleh la (berdehem) sekadar-- kito, ore kato daripada karya kito ni bodo sajo-sajo tu boleh la sikit-sikit. Boleh lah ore kato. Kito pung buke kato nok terlampau nok tumpu ko -- bayaran tu sajo, kito sebenarnya tumpu kepada karya kito tu.

UAM: Okey, soalan seterusnya, aktiviti dikir-- barat di Kelantan [Malaysia] sekarang mengharamkan perempuan untuk terlibat dalam aktiviti ini. Pada pendapat Encik, adakah wajar para perempuan diharamkan terlibat dalam dikir barat ni?

MHM: Maknanyo, adakah soale dio adakah wajar perempuan diharamkan?

UAM: Ha'a (mengangguk), wajar ke dok?

MHM: Okey, lani sebenarnya soale tu susah jugok nok jawab tu.

UAM: (Ketawa kecil)

MHM: Ho, sebabnyo dio nyo melibatkan-- ore panggil sensitiviti bagi pihak kerajaan sendiri.

UAM: (Mengangguk)

MHM: Dan jugok kito semua tahu kei kalu sebelum ni negeri Kelate [Kelantan, Malaysia] ni dio-- ni di bawah pemerintahan kerajaan negeri. Kerajaan negeri pahtu pulok di

bawoh apo tu kerajaan PAS [Parti Islam Se-Malaysia]. Jadi, kerajaan PAS [Parti Islam Se-Malaysia] ni dio ni ore kato menitikberatkan hal-hal ugama kan. Melibatkan gapo ni suara-- wanita ni mace nga diharamkan lah bagi-- kerajaan negeri PAS [Parti Islam Se-Malaysia] ni.

ANA: (mengangguk).

MHM: Jadi, pihak-- kami sebagai pendikir, dio tidok pandang ke aroh tu. Kito tidok tengok ke aroh tu, kito hanya tengok apo ni kito ni ore seni. Kito tengok (melatah), kito kito ni-- ore seni jadi kito tidok caro ko bendo-bendo *gitu* [macam tu] tu. Jadi bagi sayo, bagi sayo la ni peribadi la peribadi sayo, sayo raso tidok wajar lah diharamkan sebabnyo ore tino ni, wanita ni dio pun ado peminat dio sebab kalu mace nga kalu hok *soro* [suara] sedap-sedap tu meme ramai lah peminatnyo. Contohnya, Adik Wani [Azmahirwani Binti Nordin], Rosalinda [Shahima Edayu Akma Binti Mohd Alwi], Eda Ezrin, ramai lagi lah penyanyi-penyanyi wanita ni. Tapi, disebabkan dio panggil sentimen politik ni dan jugok Kelate [Kelantan, Malaysia] sendiri dibawoh pemerintahan PAS [Parti Islam Se-Malaysia] maso tu. Jadi, dio jadi kito tokleh nok -- kito tokleh nok lawe lah kecuali mace nga, mace dengan lelaki berpakaian wanita.

UAM: (Mengangguk)

MHM: Hok tu-- kito raso meme-- sayo sendiri pung beraso-- tok kene.

ANA: (Ketawa kecil)

UAM: (Ketawa kecil)

MHM: Tok kene lah lelaki ni lelaki berpakaian menyerupai wanita. Sene-- kato gak, ponde la ponde.

ANA: Ho (mengangguk).

UAM: Ho (mengangguk).

MHM: Kalu tu kito-- tidok meme kito-- sendiri pun beraso malu. Kalu jadi *gitu* [macam tu]. Lepah tu *so* [satu] lagi, sebab apo sayo kato tidok wajar diharamkan tu, sebabnyo ____
Helo? [gangguan rangkaian Internet]

UAM: Ye -- (mengangguk)

MHM: Sebab sayo kato -- tidok wajar diharamkan tu sebabnyo kalu dulu. Dulu-dulu lah, dulu-dulu ni kalu ore tino ni dio banyok hok berpakaian seksi. Kalu hok *gitu* [macam

tu] tu-- kito raso kalu diharamkan tu, memang wajar la. Sebab dio-- sebab kito dikir barat ni, semua-- golongan tengok.

UAM: Betul (mengangguk).

ANA: Betul (mengangguk).

MHM: Ho semo-- golongan tok kiro ore tuo ko, remaja ko ataupun kanok-kanok sekalipun, semo ore tengok. Jadi kalu-- berpakaian seksi tu kito-- sendiri pun rasonyo meme wajar la diharamkan. Kalu lah __ meme penyanyi-penyanyi wanita ni dio berpakaian *comel* [elok]. Ha, tidok ore kato tidok-- menjolok mato tu, tok saloh lah rasonyo tok saloh.

UAM: (mengangguk) so [jadi], tok wajar lah kan?

MHM: (Mengangguk) okey.

ANA: Soalan seterusnya, kebiasaannya dulu, perempuan ni banyak terlibat ke arah apa? Biasanya mace tok jogho ko awak-awak ke kalu dulu?

MHM: Penyanyi wanita dio lebih kepada lagu nyanyian.

ANA: Oh (mengangguk), nyanyian.

MHM: Ha, lagu nyanyian (mengangguk) meme dok lah boleh-- dikatakan kalu sepuluh [10] ore tu hanyo sore jah hok-- lebih kepada tok jogho. Tapi pun, tok-- jogho tu pun dio buke sepenuh maso. Dio-- hanyo ore kato selit-selit selagu *gitu* [macam tu] je lah tapi posisi dio sebenar sebagai penyanyi la. Ha, posisi dio sebenar sebagai penyanyi.

ANA: Okey (mengangguk). Ada tak dalam satu kumpulan dikir barat tu perempuan menjadi ketua?

MHM: Ketua ni sayo raso dio ni pengurus pasukan. Kalu ketuo tu dok la. Dio pengurus pasukan. Pengurus-- pasukan tu ado, ramai la ramai.

ANA: Okey, pada pendapat Encik, wajar tak perempuan ni jadi ketua dalam dikir barat? Adakah perkara ini diterima baik atau tidak?

MHM: Bagi sayo, kalu nok suruh ore tino ataupun wanita hok jadi ketuo sayo raso tok berapo tok tidok berapo nok wajar lah. Sebabnyo, dale kumpulan dikir ni, dio-- kesemuanyo ore jate.

UAM: (mengangguk)

ANA: (mengangguk)

MHM: Semo ore jate. Jadi, kalu ore tino jadi ketuo ni mace nga ore jate ni pande-- rendoh kepada ore tino ni. Jadi, dale kumpule dikir ni kito ado mace-mace palo. Ado hok okey ado hok tok okey. Jadi, kalu hok okey tu bagi sayo takdok masalah kalu ore tino jadi ketuo. Kalu hok-- tidok okey ni jenih hok-- jenih hok-- tok dengar kato.

ANA: Ho (mengangguk).

MHM: Kalu jenih hok tok dengar kato ni dio kito ore jate ni nok dengar kato ore tino jadi tok munasaboh lah. Jadi *gitu* [macam tu] lah (ketawa besar).

UAM: (ketawa kecil) betul, susah sikit lah.

MHM: Hanyo -- ore tino ni dio hanyo sesuai jadi pengurus pasuke. Dio pengurus pasuke, dio buke ketuo pasuke. Dio pengurus pasuke. Maknonyo, pengurus dio -- ake terlibat apabila satu-- pasuke tu contohnya nok gi tanding ko-- nok gi tanding ko, ataupun nok gi-- buat *show* [persembahan] jauh-jauh ko, dekat pun-- dekat pun (memberi isyarat tangan) dio ni hanyo mengurus dari segi *transport* [pengangkutan], dari segi pakaiye (membuat isyarat tangan). Ha, itu sajo (mengangguk). Dari segi, nok-- jago nok kawal awak-awak ataupun *puok-puok* [kumpulan-kumpulan] dikir ni (membuat isyarat tangan), dio keno ado ketuo pasuke ore jate (mengangguk). Ho sebab mudah -- (membuat isyarat tangan) kito nok kawal (mengangguk).

ANA: Betul.

UAM: Lagi tegas lah maksudnyo kalu laki?

MHM: Iyo (mengangguk). Dio dengan ore jate ni tegah sikit (berdehem). Okey.

UAM: Selepas para wanita atau diharamkan daripada terlibat dalam dikir barat, adakah ini memberi kesan kepada aktiviti dikir barat? Sebab kalau kita lihat, ado jah kumpulan dikir barat perempuan tapi dari negeri lain lah buke daripada negeri Kelate [Kelantan, Malaysia].

MHM: Dok loni-- pun dio ado lagi penyanyi wanita nyo dale kumpule dikir barat tu. Dio ado (mengangguk). Masih lagi ado cumo [gangguan bunyi]-- loni boleh dikatake ado lagi penyanyi wanita tu ado lagi. Cumo nyo penyanyi ni tidok-- di heboh kei

UAM: (mengangguk)

MHM: Dio hanyo untuk untuk untuk majlih kapung-kapung mace nga majlih perkahwinan, *Gitu* [macam tu] jah. Kalu dulu penyanyi ni wanita ni dio ado di *petah* [pentas] hok besa-besa. Kalu loni dio ore kato *nusuk-nusuk* [sembunyi-sembunyi] lah penyanyi tino ni *nusuk-nusuk* [sembunyi-sembunyi] tidok kato-- menonjol sangat.

UAM: Oh (mengangguk). Adakah Encik se-- helo? (gangguan rangkaian)

MHM: Ye, ade.

UAM: Okey Encik?

MHM: Ye.

UAM: Adakah encik setuju dengan perkara tersebut iaitu mengharamkan para perempuan daripada terlibat dengan dikir barat? Ini kerana para perempuan juga ada yang menaruh minat untuk melibatkan diri dalam dikir barat.

MHM: Okey. Secara peribadi, sayo tok setuju sebenar diharamke. Penyanyi wanita diharamkan ni sayo tok setuju. Sebabnyo penyanyi wanita ni dio-- boleh menarik lebih ramai penonton sebenarnya.

UAM: Oh (mengangguk).

MHM: Ha, penyanyi wanita ni dengan ore kato dengan bersyarat. Dengan bersyarat.

UAM: (mengangguk)

ANA: (mengangguk)

MHM: Syaratnyo-- penyanyi tersebut, penyanyi wanita tersebut tupe haruslah ore kato ikut perature. Jange paka pakaiye ketat-ketat. Jange paka pakaiye hok-- jange paka pakaiye hok seksi. Sebab penyanyi wanita ni sebenarnya kalu lah keno hok-- *soro* [suara] sedap sayo raso automatik ore ake gi tengok dikir barat. Maknonyo lebih dia boleh-- tarik lagi penonton-penonton mari. Kalu-- hok *soro* [suara] sedap tu lah. Kalu hok tok *soro* [suara] tok sedap tu takut penonton lari jah (ketawa besar).

UAM: Betul lah tu (ketawa kecil).

ANA: (ketawa kecil)

MHM: Ho, tu jah bendo nyo. Sebab tapi jujur lah sayo kato (menyentuh janggut) penyanyi wanita ni sebenarnya dio ore kato gano eh pemberi semangat kepada ore dikir tu sediri (membuat isyarat tangan). Ado penyanyi tino jadi ore dikir jadi semangat,

penonton pulok boleh tarik ramai penonton. Ho, dio tu je sebenarnya. Ho (mengangguk), kade-kade-- kito sediri pun sayo sediri pun beraso-- puah *cemuh* [bosan] jugok duk tengok ore jate sokmo nyanyi. Nok jugok tengok ore tino nyanyi. Ha, *gitu* [macam tu].

ANA: Okey-- pada masa akan datang, adakah Encik rasa ianya wajar untuk memberikan peluang kepada para perempuan untuk cuba melibatkan diri balik dalam dikir barat ni?

MHM: Sayo raso wajar lah wajar (mengangguk) penyanyi wanita ni diberi peluang -- balik lepah tu mugo kito loni pun, kerajaan negeri Kelate [Kelantan, Malaysia] loni pun duduk maknonyo dio ni duduk di bawah kerajaan pusat. Dio sudah maknonyo dio pun sudah bergabung dengan kerajaan pusat. Kalu sebut kato kerajaan pusat, seluruh Malaysia lah seluruh Malaysia ni kalu Kuala Lumpur [Malaysia], Pehe [Pahang, Malaysia], mano lah maknonyo penyanyi wanita boleh-- menonjol. Ha, kenapa tidok kito negeri Kelate [Kelantan, Malaysia]? Kito negeri Kelate [Kelantan, Malaysia] pun sekare loni pun duduk di bawah kerajaan pusat. Jadi rasonyo inilah ore kato pelue-- untuk penyanyi wanita kito di-- di angkat balik (membuat isyarat tangan). Di -- letokke di atah *petah* [pentas] samo mace nga penyanyi, pendikir-pendikir lelaki. Tapi denga-- syarat tu lah (menunjukkan arah). Denga syarat penyanyi wanita ni kito letok syarat supaya mereka menjago identiti dio, jago-- jago apo ni jago sope satun dio atah *petah* [pentas] tu sebab kito walaupun-- Kelate [Kelantan, Malaysia] ni duduk-- di bawah pemerintahe kerajaan pusat jadi Kelate ni dikenali sejak daripada dulu-dulu lagi dikenali sebagai gapo 'Negeri Serambi Mekoh'?

UAM: (Mengangguk)

ANA: (Mengangguk)

MHM: Maknonyo, kito ore Kelate [Kelantan, Malaysia] ni-- penuh denga ore kato adat sope, adat sope satun kito. Ore tino pun dio jago dio punyo-- apo ni kredibiliti dio, dio jago dio punyo aurat dio. Jadi takdok tidok -- tidok menjadi masalah kalu ore tino tu dio jago hok -- sayo *royak* [cakap] takdi. Dio jago disiplin dio, tidok paka-- pakaiye hok ketat-ketat, tidok paka pakaiye hok menjolok mato supayo ore ake tengok-- walaupun penyanyi dikir barat, jadi penyanyi ni dio jago dio punyo (membuat isyarat tangan) sope satun dio. Ho, baru lah-- (menggaru telinga) sayo raso dio nyo boleh diterima (mengangguk) seluruh masyarakat. Ha, *gitu* [macam tu].

ANA: Okey, betul (mengangguk).

MHM: Mace sayo sediri dulu pun, *mugo* [benda] sayo ni kiro lamo doh sayo sudah banyak lagu ataupun dale album-album sayo dulu sayo banyak -- lagu duet bersamo denge Adik Wani [Azmahirwani Binti Nordin], Rosalinda [Shahima Edayu Akma Binti Mohd Alwi], sapo lagi? (berfikir) Eda Ezrin, Ain-- Manje ramai lah (membuat isyarat tangan). Meme-- kalu dulu kito-- beraso seronok lah [gangguan bunyi] buat-- satu persembahe bersamo denge penyanyi-penyanyi wanita selain daripada penyanyi-penyanyi laki. Kito nok jugok ado penyanyi-penyanyi wanita. Ha, *gitu* [macam tu].

ANA: Okey, pada pendapat Encik___ wanita ni? [gangguan rangkaian]

MHM: *Sorry* [Minta maaf] semula--

ANA: Pada pendapat Encik, senang tak nak bekerjasama dengan para wanita dalam dikir barat?

MHM: Okey, sene jah nok bekerjasama denge penyanyi wanita ni. Sebabnyo boleh dikata keI kesemua penyanyi-penyanyi wanita hok dale-- negeri Kelate [Kelantan, Malaysia] ni dio nyo takdok-- takdok masalah-- sangat pun. Dulu-- mace sayo dulu pun maso-- - buat-- album dulu pun mudoh jah mudoh-- mudoh. Penyanyi wanita hok ado dale negeri Kelate [Kelantan, Malaysia] ni ore kato *mudoh baso* [tiada kerenah], *sene kiro* [senang berurusan] belako. Tidok-- banyak hal lah tidok banyak masalah.

ANA: Senang lah? Okey (mengangguk). Okey, ado satu lagu encik ni hok berkaitan COVID-19[Coronavirus Disease 2019] hari tu telah *viral* [tular] kan?

MHM: Gapo--?

ANA: Lagu-lagu encik hok berkaitan dengan COVID-19 [Coronavirus Disease 2019] telah *viral* [tular] dalam kalangan masyarakat haritu masa PKP [Perintah Kawalan Pergerakan].

MHM: Ha-- ha, ye-- (mengangguk).

ANA: Ada tak masyarakat mana-mana pihak tidak menerima lagu ni?

MHM: Biaso lah kito ni nok ore kato nok memenuhi citoraso ore tu payoh. Ado ore terimo, ado ore tok terimo. Jadi, ore hok terimo tu, kito Alhamdulillah, kito beraso-- banggo, ore hok tok terimo tu kito nok buat guano. Ho biarlah-- bendo tu *gitu* [macam tu] lah.

UAM: (ketawa kecil)

ANA: (ketawa kecil)

MHM: Sebab kito ni kito sebagai ore kato kito sebagai pengkarya kito buke kato kito nok tunggu jawape daripado ore samo ado suko ataupun tok. Kito hanyo letok karya kito sajo. Kito tidok-- dale hati kito-- tidok sipe niat kito-- nok lagu ni semo ore suko dok. Kito tidok letok *gitu* [macam tu]. Kito hanyo letok karya kito sajo, ore nok terimo ore tokse terimo itu terpule.

UAM: Ho (mengangguk).

MHM: Kalu ore boleh terimo, Alhamdulillah. Kalu ore tokleh terimo mungkin ado-- sesuatu ataupun ado *something* [sesuatu] berkaitan dengan karya kito tu hok ore-- tokleh terimo. Makhonyo daripado situ-- kito ake *beki* [baiki] balik karya kito.

UAM: (Mengangguk)

ANA: Ha (mengangguk).

MHM: Kito ake ore kato mencari ape ni (berfikir) kito perbaiki ataupun kito *improve* [tingkat] kan lagi kito punyo karya.

UAM: (Mengangguk)

ANA: (Mengangguk).

MHM: Ha, *gitu* [macam tu].

UAM: Lagu yang pernah *viral* [tular] [gangguan bunyi]. Helo? [gangguan rangkaian].

MHM: Ye--

UAM: Lagu yang pernah *viral* [tular] tu time PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] tahun lepas kan Encik?

MHM: Ho--

UAM: Pernah dok Encik berkesempatan nyanyi *live* [siaran langsung] lagu ni dekat mana-mana *event* [acara] lah?

MHM: Takdok lagi lah sebabnyo sejok PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni meme kito tokleh nok buat-- persembahe di-- luar lagi. Jadi lagu tu pun hanyo duduk situ je lah.

ANA: Ha, okey.

UAM: Maksudnyo ore dengar dale radio je lah? Radio dengan YouTube?

MHM: Ore dengar dale radio, ore dengar dale YouTube, ore dengar dale Facebook *gitu* [macam tu] jah lah.

ANA: Ha, okey.

UAM: Ha'ah (mengangguk).

MHM: Sapa ko hari ni pun ado lagi ore *share* [kongsi] lagu tu. Ho, PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] tu.

ANA: Ha (mengangguk).

UAM: Ha (mengangguk).

MHM: Ha, lagu tu. Ado lagi ore *share* [kongsi]. Sayo doh buat duo lagu-- berkenaan denge COVID [Coronavirus Disease] ni. Nombor satu [1], pasal-- COVID [Coronavirus Disease] hok mulo-mulo sekali. Hok yang kedua, sayo buat 'PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] Sambung Lagi'.

ANA: Ha (mengangguk).

UAM: Ha (mengangguk).

MHM: Tajuk dio 'PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] Sambung Lagi'. Sayo buat duo [2].

ANA: Okey, Encik kan *update* [kemaskini] lagu ni dekat Facebook, lepas tu ramai tak yang bagi sokongan melalui Facebook tu?

MHM: Alhamdulillah lah, sebabnyo *gini* [macam ni] (menggerakkan badan) maso PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] (menggaru leher) ni, hanyo beberapo individu sahajo penyanyi-penyanyi dikir barat ni ore kato yang ber-- yang berkesempate untuk-- terbitkan lagu baru hok -- *official* [rasmi]. Jadi, termasuklah sayo sediri sebab sayo ado -- *equipment* [peralatan] sayo, sayo ado kemudahe untuk buat lagu. Sayo ado studio sayo buat. Ni ore kato pelue sayo untuk sayo buat *tubik* [keluar] samo ado lagu-lagu baru ko, lagu-lagu lamo ko. Jadi, penyanyi-penyanyi lain dio takdok-- apo ni (menunjuk ke arah komputer) dio takdok bendo, dio takdok *behe* [bahan] untu -- untuk dio terbitke tu. Loni pun kito ado-- sayo buat-- *guide* [panduan] untuk alat muzik sajo sayo-- letok dale YouTube. Jadi, penyanyi-penyanyi hok-- amatur- ni dio- ambik *guide* [panduan] muzik tu jadi dio -- dio buat -- lagu sediri la. Tapi tidok-- secara *official* [rasmi] la. Mace sayo ni sayo boleh buat secara *official* [rasmi] sebab sayo ado semo alat muzik. Hanyo segelintir sajo la penyanyi-penyanyi hok-- boleh

buat *gini* [macam ni]. Sebabnyo demo mungkin-- demo dekat denge-- studio demo boleh mari kalu hok-- hok jauh-jauh tu meme takdok la. Dio tokleh nok-- buat lagu secara *official* [rasmi] la. Sejok-- PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] bermula tahun lepah.

UAM: Ha (mengangguk) [gangguan bunyi]. Kebanyakan pengikut Encik dekat FB [Facebook] tu kawan-kawan ataupun masyarakat luar?

MHM: Ado-- kawan-kawan (menggaru hidung) ado jugok masyarakat-masyarakat luar (menunjuk ke suatu arah). Ado hok kito tok kenal pun ado. Ad -- ado peminat, buke peminat -- sayo. Peminat dikir barat (mengagguk). Jadi, kito kito letok lagu dale FB [Facebook] tu jadi peminat dikir barat ni kan dio ramai. Dio seluruh -- Malaysia kalu seluruh Malaysia, kalu ore Kelate [Kelantan, Malaysia] [gangguan bunyi]. Dio mesti ado peminat ___ (menggaru belakang). Sayo-- pernah-- terima Messenger dan Whatsapp sayo terimo [gangguan bunyi]. Buke peminat sayo (menunjuk diri sendiri), peminat dikir barat. Dio mitok [gangguan bunyi] --. Sayo *bubuh* [letak] jah lagu tu, dio *pm* [personal message] sayo, dio kato "Lagu terbaik lah sayo daripada Pulau Pine [Pulau Pinang, Malaysia]", "Sayo ni daripada Johor [Johor Bharu, Malaysia]", "Sayo ni daripada Shah Ale [Shah Alam, Kuala Lumpur, Malaysia]", "Sayo ni -- daripada KL [Kuala Lumpur, Malaysia]", "Sayo ni daripada Sarawak [Sarawak, Malaysia] jadi sayo minat lagu-lagu ni" dio kato. *Mugo* [Benda] sayo ore Kelate [Kelantan, Malaysia] dan ado jugok buke ore Kelate [Kelantan, Malaysia] tapi dio minat dikir barat.

UAM: Betul (mengangguk).

MHM: Jadi ramai lah banyok lah *feedback-feedback* [maklum balas-maklum balas] sayo terimo dio kato kalu boleh masuk lagi lagu-lagu-- baru ataupun lagu berkenaan dengan COVID [Coronavirus Disease] ko, berkenaan dengan PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ko. Jadi kito ni ore kato mace lagu COVID [Coronavirus Disease] -- tu hanyo kalu *so* [satu] tu pade *so* [satu] tu je lakito tok masuk banyok-banyok.

ANA: Ha (mengangguk) (ketawa kecil).

UAM: Ha (mengangguk) (ketawa kecil).

MHM: Ho, kito takut ore-- puah pulok dengar banyok-banyok kito *buwi* [bagi]-- ore lain pulok buat. Kito hanyo satu [1], ore lain pulok buat *gitu* [macam tu].

ANA: Ha (mengangguk).

UAM: Ha (mengangguk).

MHM: Lagu pasal COVID [Coronavirus Disease] satu [1], lagu pasal PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] satu [1] tu cukup la.

UAM: Betul (mengangguk).

ANA: Okey, selama Encik tulis lagu, ataupun menyanyi-- menyanyi lagu Encik adakah semua kawan-kawan Encik memberikan sokongan positif atau ada yang cuba menjatuhkan semangat Encik?

MHM: (Ketawa kecil) dio bendo *gitu* [macam tu] biaso jah kalu-- hok *saing-saing* [kawan-kawan] rapat tu kalu-- ore kato *saing-saing* [kawan-kawan] ataupun sahabat-sahabat hok duduk dale-- maine dikir barat ni biaso la *puok-puok* [kumpulan-kumpulan] ni - - dio banyok-- beri sokonge kecuali hok mace nga-- hok tok setuju nga kito lah dio ake apo ni ho la *gitu* [macam tu] la biaso la. Ado kito keno duduk-- situ lah dale kito menghibur kei ore ni kito-- keno pikir mesti ado ore tok suko, mesti ado ore suko.

ANA: Okey (mengangguk).

MHM: Contoh *gini* [macam ni] la Siti Nurhaliza [Dato' Sri Hajah Siti Nurhaliza Binti Tarudin]-- ni, penyanyi nombor satu [1] Malaysia.

UAM: Betul (mengangguk).

MHM: Tapi ado ore-- tok *kene* [berkenan] ko dio.

ANA: Ado (mengangguk).

MHM: Bagi-- sayo ni Siti Nurhaliza [Dato' Sri Hajah Siti Nurhaliza Binti Tarudin] ni takdok la *soro* [suara]-- paling sedak sekali di Malaysia ni tapi ado-- ore tok setuju dengan dio. Dio *gitu* [macam tu] la. Kito ni supo lah-- dengan sayo dale dikir barat pun kito keno terimo ado ore tok setuju tu [gangguan rangkaian] ado ore setuju. *Gitu* [macam tu] jah (memegang telinga). Kalu ore-- hok tok setuju tu kito jange ambik, kito jange sipe dale -- hati kito dio ni tok setuju *katku* [dengan aku] *gini* [macam ni]-- kito biar. Kito hanyo buat kijo kito jah. Ho, begitu. Sebabnyo kito nok -- memenuhi (membuat isyarat tangan) citoraso ore ni susah-- (mengangguk). Kito raso kito buat habis baik doh tapi (membuat isyarat tangan) bagi dio, dio raso tok *comel* [elok] lagi. Jadi, kalu

kito-- nok pikir pasal dio-- sore, kito nok pikir pasal dio sore makno kito tokleh nok berkarya sokmo (menggaru telinga).

UAM: Ha (mengangguk).

ANA: (Ketawa kecil)

MHM: Kito tokleh nok berkarya.

ANA: Okey.

UAM: Maksudnyo keno fikir positif lah kalu ore tok suko kito?

MHM: Ya, kito keno sentiaso pikir positif mengenai kalu membabitke karya kito-- keno sentiaso pikir positif dan jugok satu [1] lagi, kito keno sentiaso ore kato *refer* [rujuk] ataupun rujuk kepada hok lebih pakar daripada kito.

ANA: Ha (mengangguk).

UAM: Ha (mengangguk).

MHM: Contohnya kito contohnya sayo ni ore baru jadi sayo nok cubo berkarya. Jadi sebelum sayo *post* [muat naik] mano-mano sosial media tu maknonyo sayo keno rujuk dulu kepada pakar-pakar. Okey, lagu ni-- *gini* [macam ni]-- okey doh ko. Kalu okey sayo okey *post* [muat naik] doh ni. Ha, *gitu* [macam tu].

UAM: Ha (mengangguk).

ANA: Ha (mengangguk).

MHM: Makno *gitu* [macam tu] la.

ANA: Okey.

MHM: Okey?

UAM: Seterusnya, sekarang dalam televisyen banyak rancangan realiti. Kalau lah dalam masa akan datang ada program realiti berkaitan dikir barat. Adakah Encik berminat untuk menyertai program realiti tersebut?

MHM: Okey (berdehem) bagi sayo raso untuk sayo nok *join* [menyertai] program realiti ni sayo raso sayo ni sudoh di hujung sebenarnya (ketawa kecil). Sayo sudoh di hujung program-program realiti. Kalu dulu kalu duo puluh [20] tahun lepah meme sayo suko masuk program realiti. Tapi ni ore kato sayo ni sudoh senja--.

UAM: (Ketawa kecil)

MHM: Jadi gak sayo raso sayo suko beri pelue kepada bakat-bakat baru, anak-anok mudo untuk diore ketengohke lagi bakat diore. Maso ni-- sayo lebih suko kepada ore kato berkongsi ilmu kepada bakat-bakat ni kepada anak-anok mudo hok berminat mengenai dikir barat. Ho, tu lah raso kalu nok masuk-- tanding tu raso supo dok doh.

UAM: (Ketawa kecil)

ANA: (Ketawa kecil)

MHM: Dok la. (ketawa kecil)

ANA: Okey, apakah lagu terbaru yang Encik keluarkan atau terbitkan?

MHM: Lagu terbaru?

UAM: Hok Encik terbitkan.

ANA: Ho, (mengangguk) lagu terbaru yang Encik terbitkan.

UAM: Ho, (mengangguk) baru terbit loni.

MHM: Okey, (berfikir) lagu terbaru. Jap-- (berfikir) di bawah penerbite sayo-- di bawah penerbite sayo lagu terbaru sayo *bubuh* [letak]-- dale YouTube satu [1] lagu-- satu [1] lagu *cover* [rakaman baru lagu penyanyi asal] dan jugok satu [1] lagu daripada buke sayo nyanyi daripada pendikir nyanyi.

ANA: Ho, (mengangguk)

UAM: Ho, (mengangguk)

MHM: Baru raso seminggu-- duo [2] lepah. Sayo-- baru *bubuh* [letak].

UAM: Baru sangat la ni.

MHM: Untuk lagu baru sayo sediri dale proses pembikine.

UAM: Ho, (mengangguk)

ANA: Ho, (mengangguk)

MHM: Hok sayo sediri dale pembikine. Sebabnyo sayo loni sayo banyak terbit penyanyi-penyanyi lain, artis-artis lain dikir barat. Sayo-- *record* [rakam]-- sayo terbit kei penyanyi-penyanyi lain sayo tidok-- fokus kepada sayo sediri.

UAM: Ho, (mengangguk)

ANA: Ho, kepada ore lain lah?

MHM: Ha-- ha.

ANA: Okey.

MHM: Okey, ____ ____ [gangguan rangkaian internet].

ANA: Okey, Encik nok terbit lagu ni--

MHM: Yo,

ANA: Ha, gapo?

UAM: (Ketawa kecil)

MHM: Yo?

ANA: Okey, (ketawa kecil) kalu Encik nok bakal terbitkan lagu ni mungkin ade kaitan dengan isu-isu semasa ataupun tak?

MHM: Okey, lagu-lagu hok ore terbit ni dio kito-- tengok dulu keadae semaso ataturun isu-isu semaso kalu ado isu-isu semaso hok menarik kito boleh buat lagu. Kalu takdok (berdehem)-- isu semaso biaso lah lagu dikir barat ni lagu pujo wanita. *Gitu* [macam tu] jah lah (menggerakkan kepala).

UAM: (mengangguk)

MHM: Ha, *gitu* [macam tu] jah lah.

ANA: Okey.

MHM: Okey (mengangguk)

UAM: Seterusnya, kalau masih diberi peluang untuk Encik ataupun kumpulan dikir barat la hok *under* [bawah] Encik membuat persembahan atau menyertai pertandingan seperti dulu-dulu diperingkat antarabangsa. Adakah Encik akan merebut peluang itu?

MHM: Takdi sayo kato doh sayo suko bagi pelue kepada bakat-bakat baru.

UAM: (mengangguk)

MHM: Sayo ni ho mungkin sayo ake cari bakat-bakat baru sayo ake latih-- untuk (membuat isyarat tangan) kalu ado pertandinge sayo ake suruh diore masuk. Sayo hanyo-- jadi ore kato sebagai mentor ataupun cikgu jah. Tenago pengajar jah. Itu sajo.

UAM: (mengangguk)

ANA: Okey.

UAM: Okey, pertama sekali apakah perkara utama yang akan dilakukan sebagai persediaan untuk persembahan tu? Maksudnyo latihe gapo hok Encik ake bagi ko kumpulan hok encik cari tadi bakat-bakat baru tu.

MHM: Okey, kito-- ajar *basic* [asas] la *basic* [asas] dulu (mengangguk). Kito-- tahu kito nok tahu dio punyo *basic* [asas] mengenai dikir barat.

UAM: (mengangguk)

ANA: (mengangguk)

MHM: Apokoh yang dio tahu mengenai *basic* [asas] dikir barat (membuat isyarat tangan). Kito mengenai mengenai keserasiye (membuat isyarat tangan)-- awak-awak tu sediri. Lepah tu vokal (membuat isyarat tangan), tu la kito ake *check* [periksa] dio punyo-- tahap pengetahue dio dale dikir barat (mengangguk).

UAM: (mengangguk)

MHM: Selepah tu la baru kito gi kepada caro-caro hok lain pulok pemantape. Kemantapan apo ni kepaduan *soro* [suara] awak-awok tu ramai tu (membuat isyarat tangan). Nok- - menjadike satu lepah tu kemantapan vokal tukang juara, tuke karut pah tu alat muzik dio kito sete -- seterusnya lah kito ake (membuat isyarat tangan) wak satu [1]-- (membuat isyarat tangan).

UAM: (mengangguk)

ANA: Okey (mengangguk) maso Encik terlibat dulu dengan per-- persembahan maso dulu-dulu tu pernah tak tok cukup ahli kumpulan secara tiba-tiba time buat persembahan tu?

MHM: Rasonyo (berfikir) belum lagi (mengangguk).

UAM: (mengangguk) takdok lagi lah masalah *gitu* [macam tu]?

MHM: Sebabnyo kito, ho takdok lagi masalah *gitu* [macam tu]. Sebabnyo setiap wak perseмбаhe tu kito meme *stand by* [menyediakan] terutama kalu kito nok masuk tanding tu meme kito fokus kepada ahli kumpule dulu sukup ko tok cukup. Lepah tu baru kito pikir hok-- lain.

UAM: (mengangguk) kalau lah tibo-tibo ado mace salah satu ahli kumpule Encik tibo-tibo ado benda *urgent* [mendesak] ko gapo tokleh *join* [sertai] gano Encik atasi bendo tu?

MHM: Dok kito tengok kepada posisi dio --. Kalu posisi dio posisi awok-awok. Awok-awok ni dio ramai-- dio ado limo belah [15], dio ado duo belah [12]. Kalu setakat sore duo [2] tu takdok masalah lah (menggeleng kepala). Kalu setakat duo [2] kalu setakat sore duo [2] hok ado *emergency* [kecemasan] tu takdok masalah.

UAM: Ho (mengangguk)

MHM: Kecuali alat muzik-- tu kito tengok pulok mace nga kalu hanyo (berfikir) pemain rebano ibu sahajo kito meme fokus kalu hok lain tu kalu takdok kito boleh ganti-- dengan hok lain. Kalu pemain rebano ibu ni sebab pemain rebano ibu ni buke-- semo ore boleh-- main secaro professional

UAM: (mengangguk)

ANA: (mengangguk)

MHM: Dio-- ado dio panggil dio punyo aura pemain rebano tu sediri. Ramai boleh main tapi hok-- ore kato hok melekat di telinga (memegang telinga) tu tok ramai. Okey (mengangguk).

ANA: Okey (mengangguk) so [jadi] contoh kalau Encik pergi wak perseмбаhe tu ake ado bawok untuk beberapa orang untuk *backup* [sokongan] la?

MHM: Maknonyo kito *stand by* [menyediakan] lah. Ho (mengangguk) kito *stand by* [menyediakan] la sore untuk pemain-- rebano tu kito *stand by* [menyediakan] sore *gitu* [macam tu] la.

ANA: Okey (mengangguk) soale akhir--

MHM: Kalu hok--

ANA: Soale akhir--

MHM: Iyo?

ANA: Ha, gano? (ketawa kecil)

MHM: Okey? (mengangguk)

UAM: (ketawa kecil)

ANA: Soale akhir sekali, apakah aktiviti yang-- terkini dalam dikir barat? Aktiviti Encik yang terkini dalam aktiviti dikir barat ni?

MHM: Okey, aktiviti (menyentuh muka) terkini dale dikir barat sayo tengoh ore kato menyiap kei beberapa lagu untuk *recording* [rakaman] lagu baru lah. Lagu baru untuk *recording* [rakaman] dale proses-- lani sekare ni pun dale proses *recording* [rakaman]. Sayo untuk sayo terbitke beberapa lagu lepah tu disamping (menunjuk ke satu arah) *recording* [rakaman] ni sekare ni kito ado-- platform media sosial untuk dio panggil minggu keseniye-- dikir barat yang dibuat oleh-- yang dibuat oleh Arasy Entertainment dio *pages* [halaman]-- Arasy Entertainment ni dio buat seminggu sekali untuk malam dio panggil Malam Kesenian Dikir barat. Maknonyo persembahe ni dibuat secaro *live* [siaran langsung] dale -- *pages* [halaman] maknonyo tanpa -- penonton lah. Tanpa penonton. Penonton hanyo boleh tengok dale *live* [siaran langsung] FB [Facebook] sahajo.

UAM: (mengangguk)

ANA: (mengangguk)

MHM: Jadi persembahe ni di-- di ditaja oleh MZ Gold-- melalui sokonge Arasy Entertainment (mengangguk).

UAM: (mengangguk)

ANA: (mengangguk)

MHM: Lani meme tu jah platform ore dikir untuk buat persembahe kalu -- bendo lain meme takdok lah tak dok. Sayo sediri pun sayo pernah-- terlibat beberapa kali doh denge Arasy Entertainment ni untuk buat persembahe secara *live* [siaran langsung] ni. Persembahe ore panggil penonton dale FB [Facebook].

UAM: (mengangguk)

MHM: Penonton hanyo tengok dale FB [Facebook]. Tu jah jadi itu sahaja. (terbatuk)

UAM: Maksudnya dio buat tiap-tiap minggu?

MHM: Ho (mengangguk) dio buat tiap-tiap minggu

UAM: (mengangguk)

MHM: Dio buat tiap-tiap minggu dan jugok (berfikir) minggu ni duo [2] minggu ni kito *skip* [langkau] sebabnyo MCO [Movement Control Order] kei MCO [Movement Control Order] ni jadi meme duo [2] minggu ni doh kito keno-- *lockdown* [perintah berkurung] meme dio pun tidok panggil dio tokleh nok panggil ore dikir la jadi dio dio *skip* [langkau] duo [2] minggu.

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang Seni Kebudayaan Dikir Barat bersama En. Mohd Hanafiah Bin Yusoff.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Seni Kebudayaan Dikir Barat para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
00:00 – 00:58	Pembuka ayat	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca pembuka ayat • Tokoh memberitahu beliau seorang pengiat seni
00:58 – 03:58	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Nama tokoh Mohd Hanafiah Bin Yusoff • Umur: 44 tahun • Menetap di Kota Bharu, tempat asal di Kampung Kuala Besar, Jalan PCB Kota Bharu. • Lahir pada 26 April 1977 di Kampung Kuala Besar. • Nama ayah: Yusoff Bin Muhammad Nama ibu: Sapinah Binti Mat Hussin • Anak ke 11 daripada 14 adik-beradik. • Sudah berkahwin mempunyai seorang anak berumur 22 tahun • Kerja sebagai pelukis batik • Dikir Barat hanyalah minat
03:59 – 09:52	Pengenalan kepada Dikir Barat	<ul style="list-style-type: none"> • Asal bergiat dalam Dikir Barat kerana minat. • Tahun aktif Dikir Barat pada tahun 2000 • Dikatakan sebagai sumber pendapatan • Megat Nordin sebagai mentor • Tahun kewujudan Dikir Barat pada tahun 1986 • Pada mulanya, hanya pergi melihat persembahan Dikir Barat di Kampung.

		<ul style="list-style-type: none"> • Megat Nordin sebagai idola • Kelunakkan suara, karakter, pergaulan antara kawan-kawan menjadi kan Megat Nordin sebagai idola Dikir Barat kepada tokoh
09:52 – 12:24	Keistimewaan dan kelemahan Dikir Barat	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak sama dengan lagu-lagu yang lain seperti Arus Perdana • Dikir Barat ni berpasukan, daripada Dikir Barat boleh kenal kawan dan tempat baru. • Kelemahan Dikir Barat ialah berkaitan disiplin ahli kumpulan
12:24 – 17:48	Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran dalam mengurus ahli pasukan • Peredaran zaman, di mana aktiviti Dikir Barat di Kelantan mengharamkan wanita untuk menyertai Dikir Barat. • Dari segi masa sekarang masa aktiviti lebih pendek berbanding dahulu • Platform media sosial yang menjejaskan sumber pendapatan kerana kurang mendapat sambutan nama penyanyi Dikir Barat
17.49 – 32:19	Berkaitan lagu yang dihasilkan oleh tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Mula menghasilkan lagu pada 2017 • Caj bayaran satu lagu mengikut harga biasa studio • Rebana RM300, muzik RM500- RM600 • Kebanyakan lagu yang dihasilkan oleh tokoh berkaitan memuja perempuan. Kebiasaan lagu Dikir Barat mengambil melodi lagu sedia

		<p>ada dan diubah menjadi melodi sesuai dengan Dikir Barat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tokoh menghasilkan sebulan satu lagu.
32.20 – 45:30	Jenis Dikir Barat yang wujud di Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat dua jenis Dikir Barat iaitu moden dan tradisional. • Sambutan lebih kepada Dikir Barat moden. • Otai-otai lebih kepada Dikir Barat tradisional • Alat muzik yang digunakan dalam Dikir Barat ialah rebana ibu, rebana anak, gong, canang, marakas dan tamborine. • Majlis perkawinan ataupun kenduri merupakan acara paling wajib Dikir Barat dipersembahkan. • Kos perbelanjaan alatan Dikir Barat lebih kurang RM1,700.
45.31 – 54:04	Kumpulan Dikir Barat dibawah jagaan Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat tiga kumpulan dibawah jagaan tokoh. Antara kumpulan Sri Rahmat, Sri Merangkap dan Sri Keseng. • Kumpulan Sri Rahmat pernah menyertai pertandingan di Singapura dan memperoleh johan kumpulan terbaik. • Pernah menyertai pertandingan Bintang P.Ramlee, pertandingan Dikir Barat Kebangsaan RTM, dan menulis dokumentasi “Malaysia Book of Record”
54:05 – 1:05:36	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> • Johan peringkat Negeri dalam pertandingan Keputeraan Sultan

		<p>Kelantan bersama kumpulan Sri Rahmat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mendapat anugerah tok juara terbaik di Peringkat Kebangsaan. • Johan Peringkat Kebangsaan bersama kumpulan Sri Keseng. • Persembahan terbaik pertandingan Bintang P.Ramlee • Pertandingan peringkat Kebangsaan anjuran RTM menjadi kebanggaan dan paling diingat oleh tokoh.
10:05:37– 1:09:34	Kenangan menyertai kumpulan Dikir Barat	<ul style="list-style-type: none"> • Kenangan manis ialah tokoh berpeluang membuat “Malaysia Book of Record” • Kenangan pahit tokoh apabila beliau ditipu oleh orang tengah ketika di Singapura • Dituduh makan duit Dikir Barat
1:09:35 – 1:11:14	Berkaitan nama gelaran tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Nama gelaran tokoh ialah Raden Mas Uji • Gelaran itu diberi oleh salah seorang pekerja RTM
1:11:15 – 1:23:55	Pendapat and harapan tokoh tentang Dikir Barat pada masa kini	<ul style="list-style-type: none"> • Banyak perubahan disebabkan pandemik COVID-19 • Pewaris dan tapisan bagi generasi baru Dikir Barat • Kelebihan lirik lagu Dikir Barat dapat menarik perhatian pendengar • Pertandingan Dikir Barat tidak lagi aktif dipertandingkan kerana pandemik COVID-19

		<ul style="list-style-type: none"> • Harapan tokoh agar Dikir Barat dapat terkenal semula selepas berakhir pandemik COVID-19
1:23:57 – 1:29:34	Peranan untuk menaikkan aktiviti Dikir Barat	<ul style="list-style-type: none"> • Menghidupkan balik persatuan pendikir di Kelantan. • Menganjur pertandingan atau persembahan bagi menghidupkan balik suasana Dikir Barat • Aktifkan semula lagu-lagu Dikir Barat.
1:29:35 – 1:45:49	Berkaitan penglibatan para perempuan dalam Aktiviti Dikir Barat	<ul style="list-style-type: none"> • Negeri Kelantan mengharamkan para wanita menyertai Dikir Barat • Penyanyi wanita biasanya lebih kepada lagu nyanyian • Peyanyi wanita ada aura tersendiri dapat menarik perhatian para pendengar
1:45:50 – 2:07:29	Berkaitan lagu viral daripada tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Lagu berkaitan Covid-19 menjadi tular di kalangan masyarakat • Mendapat sokongan melalui Facebook
2:07:30 – 2:08:03	Penutup ayat	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca penutup ayat

7.0 RALAT

Sepanjang temubual ini dijalankan, terdapat beberapa gangguan secara tidak langsung dari segi bunyi dan sebagainya. Berikut adalah senarai jenis ralat yang terdapat di dalam rakaman temubual bersama Tokoh Seni Kebudayaan Dikir Barat:

JENIS RALAT

- Bunyi ayam berkokok
- Bunyi pengisar
- Bunyi enjin motosikal
- Bunyi ketukan
- Suara tidak jelas disebabkan cakap terlalu perlahan
- Bunyi suara orang bercakap
- Bunyi telefon
- Bunyi azan
- Gangguan rangkaian internet

Walaupun terdapat gangguan dari segi bunyi, temubual kami bersama Encik Mohd Hanafiah Bin Mohd Yusoff berjalan dengan lancar dan jayanya. Ralat tersebut tidak mengganggu sesi temubual kami bersama tokoh kerana suara ketika temubual didengari dengan jelas dan lancar.

8.0 GLOSARI

Angkasapuri	Sebuah kompleks penyiaran Jabatan Penyiaran Malaysia
Arus Perdana	Lagu yang mengikut trend terkini dan popular. Sebagai contoh sering mendengar di stesen radio dan televisyen. Lagu mengikut genre dan gaya yang sesuai untuk senang dipasarkan.
Awok-awok	Merupakan kumpulan yang melebihi lima orang dan menyanyikan lagu mengikut lenggok suara tertentu dalam satu nada suara.
Dikir Barat	Satu seni persembahan permainan tradisional yang berasal dari negeri Kelantan yang disampaikan secara berkumpulan.
LIMA / Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi	Satu pameran udara dan maritime yang berkaitan dengan penerbangan komersil dan pertahanan.
Irama Padang Pasir	Muzik yang biasa dimainkan oleh orang timur yang menekankan bunyi gambus
Paluan Rebana	Bunyi ketukan atau paluan rebana mengikut rentak keseragaman dan irama rebana
Pemuzik	Individu yang bermain alat muzik Dikir Barat
Tok Jogho / Juara	Merupakan penyanyi utama dalam kumpulan yang mempunyai alunan suara yang merdu, sebutan yang jelas dan kemahiran mengawal nafas dengan baik.
Tukang Karut	Merupakan seorang yang petah dan bijak Menyusun pantun dan susunan isi cerita dengan kemas dan fakta yang tepat.

9.0 INDEKS

A

Acara 32, 33, 60, 72, 89

Album 4, 46, 52, 58

Aktif 4, 15, 16, 17, 20, 22, 28, 47, 70, 73, 74, 86, 89

Aktiviti 4, 10, 20, 52, 55, 68, 71, 74, 84, 87, 89, 90, 91

Antarabangsa 4, 11, 36, 66, 76, 92

Anugerah 28, 37, 39, 40, 41, 42, 73, 89

Alat Muzik 18, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 48, 50, 61, 66, 67, 72, 76

Arus Perdana 19, 25, 27, 71, 76

Awok-awok 12, 20, 30, 31, 32, 33, 34, 36, 66, 67, 76

B

Bahasa 7, 9, 11, 13, 24

Bangga 38, 40

Banyak 22, 52, 71, 87

Bayaran 22, 52, 71, 87

Bidang 3, 8, 12, 15, 20, 69, 84, 87, 88

Belajar 18, 24, 26, 27, 28, 31, 33, 41, 44, 45, 47, 50, 88

Bergiat 4, 14, 15, 16, 17, 38, 70, 86, 89

Bekerjasama 14, 58, 90

C

Cabaran 11, 20, 21, 71, 87

Canang 6, 7, 10, 11, 12, 13, 14

Cara 29, 30, 31, 72

Cipta 9, 12, 22, 23, 24, 25

Cerita 5, 76

D

Dalam 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16

Dikir Barat 3, 4, 7, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33,
34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57,
58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 81, 82, 83, 84,
86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93,94,95

F

Faham 10, 13, 19

Fokus 45, 65, 67

G

Gong 29, 30, 31, 72

Gelaran 44, 73

Generasi 7, 10, 11, 13, 14

H

Habis 17, 21, 25, 34, 38, 49, 63

Hasil 4, 14, 41, 69

Hari 15, 24, 25, 28, 32, 35, 36, 44, 45, 46, 48, 50, 51, 58, 60, 90

Hiburan 7, 13, 14

I

Ilmu 4, 5, 14, 18, 35, 47, 64, 69

Inspirasi 4, 18, 25, 87

Irama 23, 24, 76

J

Jenis 19, 23, 26, 28, 31, 36, 37, 45, 72, 75, 87

Jiwa 9, 16, 17

Johan 34, 72, 73

K

Kajian 6, 7

Karya 6, 9, 13, 52, 59, 63

Kebudayaan 3, 4, 7, 9, 10, 11, 13, 14, 15, 17, 20, 33, 48,

Kelantan 1, 2, 3, 4, 12, 13, 14, 15, 16, 20, 21, 22, 23, 24, 26, 28, 30, 33, 34, 35, 37, 39, 40, 42, 43,
44, 45, 48, 50, 52, 53, 55, 57, 58, 61, 72, 73, 74, 76, 85, 89, 91, 94, 96

Kesenian 9, 10, 11, 33, 48, 68, 83

Komposer 24, 45

Konsisten 5, 25

Kumpulan 3, 4, 5, 9, 10, 12, 18, 20, 33, 34, 36, 37, 38, 46, 47, 51, 54, 55, 62, 66, 67, 71, 72, 73, 76,
89, 90, 91, 93

Kos 21, 22, 32, 72, 89

L

Lagu 12, 13, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 33, 34, 35, 39, 41, 43, 45, 46, 47, 49, 50, 51, 54, 58, 59,
60, 61, 62, 63, 64, 65, 68, 71, 72, 73, 74, 76, 85, 88, 89, 91, 92

Lama 11, 41

Lisan 5, 6, 7, 8, 15, 69, 82, 83, 85, 93, 95

Lirik 12, 13, 22, 23, 24, 25, 26, 36, 47, 73, 83, 88

M

Masalah 6, 13, 20, 21, 28, 36, 45, 67, 92

Masyarakat 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 49, 58, 59, 61, 83, 90, 91, 92

Melayu 10, 12, 13, 24, 82, 83

Melodi 12, 24, 26, 72

Minat 4, 7, 14, 16, 17, 19, 20, 27, 28, 31, 32, 33, 40, 47, 53, 56, 61, 64, 70, 85, 88, 91, 92

Moden 28, 29, 45, 51, 72, 83

Muzik 9, 11, 12, 13, 18, 19, 22, 23, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 40, 48, 50, 51, 61, 66, 67, 71, 72, 76,
89

N

Nada 76

Nasihat 47

Nyanyi 19, 21, 29, 33, 40, 41, 43, 45, 46, 47, 50, 60, 64, 92

Nilai 9, 11, 14, 43, 46, 50, 51

Negeri 12, 36, 37, 39, 40, 48, 53, 55, 57, 58, 73, 74, 76, 85, 90, 91

P

Pasukan 18, 19, 20, 21, 30, 31, 35, 39, 42, 43, 48, 49, 51, 54, 71, 89, 90

Pelapis 20, 50

Pemuzik 30, 48, 76

Pencapaian 37, 38, 39, 40, 73, 90, 96

Penyanyi 20, 21, 39, 41, 45, 46, 51, 53, 54, 56, 57, 58, 60, 61, 62, 64, 65, 71, 73, 74, 76

Penerbit 3, 4, 45

Pengiat 3, 4, 15, 18, 70

Penonton 48, 51, 56, 57, 68, 69

Persembahan 4, 9, 12, 13, 14, 17, 18, 20, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 39, 42, 44, 49, 50, 55, 66, 67, 70,
73, 74, 76, 85, 89, 92

Pertandingan 4, 13, 14, 31, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 48, 51, 66, 72, 73, 74, 89, 92

Pusingan 39

Positif 14, 62, 63, 92

Program 1, 2, 4, 32, 43, 64, 92

R

Ratus 21, 22, 23, 26, 32, 42, 43

Ribu 32, 33, 35, 37, 42, 45, 49

Ringgit 21, 22, 23, 26, 32, 33, 37, 39, 40, 42, 43, 45

Rebana 22, 23, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 71, 72, 76

S

Sedap 26, 27, 31, 41, 51, 53, 56

Sejarah lisan 5, 6, 7, 8, 15, 69, 82, 83, 85, 94, 97

Seni 3, 4, 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 39, 40, 51, 53, 69, 70, 75, 76, 82, 83, 85,
87, 90, 91, 94

Seni Kebudayaan 3, 4, 7, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 20, 69, 75, 85, 87, 90, 93

Suara 9, 12, 18, 19, 41, 47, 51, 53, 56, 63, 66, 71, 75, 76

Sumber 6, 7, 8, 17, 70, 71, 82

T

Televisyen 33, 34, 35, 38, 40, 41, 44, 48, 64, 76, 92

Teknik 27, 61

Terbit 64, 65

Tokoh 3, 4, 5, 6, 7, 8, 24, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 85, 88, 89, 90, 91, 93, 94, 96

Temubual 6, 15, 69, 70, 75, 93, 94, 97

Tok Jogho 18, 20, 32, 34, 36, 37, 38, 39, 45, 54, 76

Tukang Karut 12, 13, 76, 90

U

Ukiran 9

Unik 8, 9, 10, 13

Ubah 24, 26

W

Wanita 25, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 65, 71, 74, 83

Warisan 7, 10, 11, 13, 14, 18, 50, 51, 82, 83, 84, 87, 91, 93

Watak 5, 12

Wujud 10, 11, 12, 13, 17, 72, 89

Z

Zaman 7, 8, 9, 11, 43, 71, 90

10.0 BIBLIOGRAFI

- Addy Sauffi. (2008, Januari 27). Dikir Barat: Sejarah dan Asal-usul. *Bintang Popular*
<http://adisauafi.blogspot.my/2010/05/dikir-barat-sejarah-dan-asal-usul.html>.
- Astro Awani. (2016, Disember 27). *Kenapa promosi seni warisan dipinggirkan*. Astro Awani network Sdn, Bhd.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenapa-promosi-seni-budaya-warisan-dipinggirkan-127118>
- Amran Aris. (2016, November 9). *Dikir Barat*. Slideshare.
<https://www.slideshare.net/amranaris67/dikir-barat-68435081>
- Educalingo. (2021). *Maksud "Humanize" dalam kamus Corsica*.
<https://educalingo.com/ms/dic-en/humanize>
- Educalingo. (2021). *Maksud LIMA dalam kamus Melayu*.
<https://educalingo.com/ms/dic-ms/lima-1>
- Fafai S. (2017, Julai 13). *Nota Sejarah Lisan dan Pendokumentasian*. Slideshare.
<https://www.slideshare.net/FaFaiS/nota-sejarah-lisan-dan-pendokumentasian-bab-1-kaedah-dan-sumber-sejarah-sjhc3043>
- Irom Irom. (2021). Artikel Seni Budaya. *Academia*.
https://www.academia.edu/24282388/Artikel_Seni_Budaya?auto=download
- Kongsi Minda. (2013, November 1). Sejarah Lisan: Kepentingan Sumber Lisan. *Blogger*.
<http://tuhaulomiding.blogspot.com/2013/11/sjh-3104-sejarah-lisan-kepentingan.html>
- Mohd Amin Hassan. (1974). Tradisi Lisan- Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia. *Akademia*, (4), 27-42.
- Mohd Hanafiah Bin Yusoff (2021, 24 Mei). *Dikir Barat*. (Amira Natasha Binti Ahmad Roshidi & Ummu Arifah Binti Mohd Dasuki, Interviewer)
- Muhd Ubaidillah Bin Mohd Rapi. (2014). *Dikir Barat Dari Segi Transformasi*. UNIMAS
- Muhammad Sufian Rosli. (2016, Disember 6). Dakwah melalui Dikir Barat. *BH Online*.
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2645/2016/12/220757/dakwah-melalui-dikir-barat>

- Mahani Ishak. (2019, November 22). Seni budaya pemangkin keharmonian kaum. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/11/631068/seni-budaya-pemangkin-keharmonian-kaum>
- Mohamad Fahmi Ismail,. Salmah Jan Noor Muhammad,. & Muhammad Firdaus Che Yaacob. (2016).
Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid. Universiti Malaysia Pahang.
- Mohd Fadzil Razali,. Badrul Redzuan Abu Hassan. (2021). *Pemuliharaan Warisan yang Terpinggir: Menanggapi Peranan Medium Sinema*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Olehpiah Jatius. (2021) Dikir Barat. *Academia*
https://www.academia.edu/35199206/DIKIR_BARAT
- Pusat Kajian Sejarah Lisan. (2007). Sejarah Lisan. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>
- Pusat Kajian Sejarah Lisan. (2007). Sejarah Lisan: Kepentingan Sejarah Lisan. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>
- Shaliza Dasuki,. Fazlina Radzi,. Nurkhasilah Idris,. & Nur Hasliza Abdullah. (2015, December).
Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu. Research Gate
https://www.researchgate.net/publication/319351682_Perkembangan_Budaya_Popular_dan_erubahan_SosioBudaya_Masyarakat_Pasca_Moden_Adaptasi_Budaya_Asing_Dalam_Per_kahwinan_Melayu
- Sepating Bungai. (2014, November 22). Kepentingan Seni dan Kebudayaan Kepada Masyarakat.
Blogger.
<http://kemayangambai.blogspot.com/2014/11/kepentingan-seni-dan-kebudayaan-kepada.html>
- Universiti Putra Malaysia. (2021). *Keseniaan dan kebudayaan*. Portal Universiti Putra Malaysia.
https://upm.edu.my/campus_life/kesenian_kebudayaan/kesenian_kebudayaan-8304?L=bm

USIM Today. (2021). *Dikir Barat Warisan Tradisional Perlu Dipertahan*. The Artifact

<https://siti12371.wixsite.com/wixsir-faizal/single-post/2015/05/30/dikir-barat-warisan-tradisional-perlu-dipertahan>

Vokabulario. (2021). *Defini Arus Perdana-Perbendaharaan Kata*.

<https://ms.dictionaryapps.com/definici-n-de-mainstream>

11.0 LAMPIRAN

11.1 BIOGRAFI TOKOH



Encik Mohd Hanafiah Bin Yusoff atau dikenali sebagai Raden Mas Uji merupakan anak jati Kelantan yang kini menetap di Kota Bharu, Kelantan. Beliau berusia 44 tahun dan merupakan anak ke 11 daripada 14 orang adik-beradik. Beliau mula menerima pendidikan di peringkat sekolah rendah di salah satu sekolah di Kota Bharu, Kelantan. Beliau sudah mendirikan rumah tangga bersama pasangannya dan mempunyai seorang anak lelaki yang berusia 22 tahun. Beliau bekerja sebagai pelukis batik di Kota Bharu, Kelantan. Beliau mula berkecimpung dalam bidang Seni Kebudayaan Dikir Barat sejak dari bangku sekolah lagi pada tahun 2000. Penglibatan beliau dalam aktiviti Dikir Barat ini telah banyak mengharumkan nama Negeri Kelantan.

Menurut beliau, seseorang yang melibatkan diri dalam aktiviti Dikir Barat ini mempunyai minat yang mendalam berkaitan Dikir Barat dan sudah menjadi adat bagi orang Kelantan meminati Seni Kebudayaan Dikir Barat. Keunikan lagu serta cara persembahan yang terdapat dalam Dikir Barat ini dapat menarik perhatian para pendengar yang meminati Dikir Barat .

Encik Mohd Hanafiah Bin Mohd Yusoff merupakan seorang yang sangat komitmen dengan tanggungjawab yang dipegang oleh beliau. Beliau memberi kerjasama dan sangat peramah ketika kami menemuramah beliau. Banyak perkara serta tunjuk ajar yang diberikan kepada kami dalam menyiapkan tugas sejarah lisan ini.

11.2 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Mohd Hanafiah Bin Yusoff K/P: 770428-03-7287 Pada 24 Mei 2021
dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan
Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak.
Walaupun bagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Mohd Hanafiah Bin Yusoff)
Tarikh: 24 Mei 2021

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.3 SENARAI SOALAN

Soalan Orientasi

1. Bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri encik?
 - i. Apakah nama penuh encik?
 - ii. Berapakah umur encik?
 - iii. Dimanakah tempat tinggal encik?
 - iv. Encik dilahirkan dimana?
 - v. Bilakah tarikh lahir encik?
2. Bolehkah encik kongsi sedikit tentang keluarga encik?
 - i. Apakah nama ibubapa encik?
 - ii. Berapakah bilangan adik beradik encik?
 - iii. Encik anak keberapa?
 - iv. Adakah encik sudah berkahwin?
 - v. Apakah nama isteri encik?
 - vi. Adakah encik mempunyai anak?
 - vii. Berapakah bilangan anak encik?
3. Bolehkah saya tahu tentang pekerjaan encik selain aktif dalam Dikir Barat?
4. Adakah bakat Dikir Barat yang encik ada sekarang adalah diwarisi daripada keluarga atau secara semulajadi?

Soalan Umum

5. Kenapa encik pilih untuk bergiat aktif dalam Dikir Barat?
 - i. Bilakah tahun encik mula bergiat aktif dalam Dikir Barat?
 - ii. Apakah yang mendorong encik untuk terlibat dalam dikir barat?
 - iii. Bagaimana encik tahu tentang kewujudan Dikir Barat?

6. Dari manakah warisan seni kebudayaan ini diperoleh?
 - i. Siapakah yang memperkenalkan Dikir Barat kepada encik?
7. Siapakah yang menjadi inspirasi kepada encik dalam Dikir Barat?
 - i. Mengapakah beliau menjadi inspirasi kepada encik?
 - ii. Apakah keistimewaan beliau?
8. Apakah keistimewaan Dikir Barat yang dapat dilihat oleh encik?
9. Bolehkah encik ceritakan tentang keistimewaan Dikir Barat yang menarik minat encik untuk menyertai Dikir Barat?
10. Bertanya kepada tokoh tentang kelebihan dan kelemahan dikir barat
 - i. Pada pendapat encik, apakah kelemahan Dikir Barat yang dapat dilihat oleh encik?
 - ii. Berdasarkan apa yang encik lihat, adakah remaja masa kini masih menerima baik aktiviti Dikir Barat?
 - iii. Apakah cabaran yang encik hadapi sepanjang menceburi bidang seni kebudayaan ini?
11. Adakah encik pernah menerima permintaan untuk mencipta lagu atau lirik dikir barat?
 - i. Kalau ada, adakah encik meminta sebarang bayaran atau hanya menerima kredit/penghargaan?
 - ii. Berapakah bayaran yang dikenakan untuk setiap lagu atau lirik yang dihasilkan?
 - ii. Siapakah orang yang datang berjumpa encik untuk menghasilkan lirik atau lagu dikir barat? (mungkin pelanggan atau anak2 muda yang berminat dalam bidang ini)
 - iii. Selalunya apakah jenis lagu yang dicipta?
 - iv. Dari manakah encik mencari inspirasi untuk menulis lirik?
 - v. Seberapa kerap encik menghasilkan sebuah lagu?
 - vi. Berapa lamakah masa yang diambil untuk menulis lagu?
 - vii. Adakah susah bagi encik untuk menyiapkan lagu-lagu dikir tu?
 - viii. Apakah aplikasi yang Encik gunakan untuk menghasilkan lagu?
 - ix. Adakah software itu dibeli?

- x. Dari manakah Encik belajar menggunakan software tersebut?
 - xi. Adakah lagu yang Encik hasilkan oerlu minta izin daripada mana-mana pihak?
12. Adakah Encik akan menerima mana-mana orang yang ingin belajar tentang Dikir Barat?
- i. Adakah Encik akan memilih lelaki atau perempuan sebagai pelajar Encik?
 - ii. Apakah perkara pertama yang akan Encik ajar?

Soalan Khusus

13. Latar belakang Dikir Barat

- i. Berapa jenis Dikir Barat yang wujud di Kelantan?
- ii. Apakah alatan muzik yang digunakan dalam Dikir Barat?
- iii. Pada pendapat encik, alatan muzik apakah menjadi keutamaan dalam dikir barat ini.
- iv. Kebiasaannya, berapa orang ahli yang akan terlibat dalam satu kumpulan Dikir Barat?
- v. Siapakah yang akan mengetuai persembahan Dikir Barat?
- vi. Apakah kriteria yang diperlukan untuk menyertai pasukan Dikir Barat?
- vii. Selalunya, apakah acara yang sesuai untuk mempersembahkan Dikir Barat ini?
- viii. Berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk satu persembahan Dikir Barat?
- ix. Kalau tidak keberatan, bolehkah encik kongsi kos perbelanjaan untuk membeli alatan muzik Dikir Barat ini?
- x. Biasanya, kalau encik pergi pertandingan dikir barat siapakah selalunya yang mengajurkan pertandingan?

14. Bertanya tentang mentor tokoh

- i. Apakah nama guru encik yang memberi tunjuk ajar dalam bidang ini?
- ii. Dari mana encik mengenali beliau?

15. Bertanya tentang kumpulan Dikir Barat

- i. Adakah encik mempunyai kumpulan dikir barat sendiri?

- ii. Apakah peranan encik dalam kumpulan dikir barat? Contohnya, macam tok jogro, awak2
- iii. Adakah boleh tok juara menjadi tukang karut dalam aktiviti Dikir Barat?
- iv. Apakah keistimewaan pasukan ini sehingga encik menyertai kumpulan ini?
- v. Pada pandangan encik, apakah kelebihan pasukan yang encik sertai
- vi. Bolehkah encik nyatakan tujuan encik memilih untuk menjaga kumpulan Dikir Barat ini?
- vii. Apakah nama kumpulan Dikir Barat yang masih bergiat aktif dengan encik dan berada dibawah jagaan encik?

16. Bertanya tentang pencapaian Dikir Barat?

- i. Kalau tidak keberatan, bolehkah encik kongsi tentang kejayaan kumpulan Dikir Barat yang disertai oleh encik?
- ii. Berapakan bilangan pencapaian selama Encik bergiat aktif dalam kumpulan Dikir Barat ini?
- iii. Apakah perasaan Encik apabila menerima semua pencapaian ini?
- iv. Apakah anugerah yang paling bermakna yang Encik pernah terima?
- v. Apakah kenangan paling manis ketika menyertai aktiviti Dikir Barat?
- vi. Apakah kenangan paling pahit sepanjang penglibatan Encik dalam Dikir Barat?
- vii. Adakah Encik pernah merasa “down” sepanjang penglibatan Encik dalam Dikir Barat?

17. Bertanya tentang pendapat tokoh mengenai Dikir Barat?

- i. Bolehkah encik nyatakan pendapat encik tentang Dikir Barat?
- ii. Pada pendapat encik, apakah punca Dikir Barat tidak lagi popular seperti zaman dahulu?
- iii. Boleh encik berikan pendapat tentang keistimewaan Dikir Barat yang dapat menjadi tarikan masyarakat pada masa kini?

18. Bertanya tentang perkembangan Dikir Barat pada masa kini

- i. Adakah seni kebudayaan Dikir Barat masih giat dipertandingkan?
- ii. Adakah ahli Dikir Barat terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan pelbagai negeri?
- iii. Berapakah had umur yang diwajibkan dalam menyertai Dikir Barat?

19. Bertanya tentang harapan dalam Dikir Barat?

- i. Apakah harapan Encik terhadap masyarakat kini tentang Dikir Barat?
- ii. Apakah peranan Encik, untuk menaikkan semula nama Dikir Barat?
- iii. Pada pendapat Encik, apakah usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam membantu memartabatkan semula seni warisan dikir barat ini?

20. Bertanya tentang penglibatan para perempuan dalam aktiviti Dikir Barat

- i. Aktiviti dikir barat di Kelantan sekarang mengharamkan perempuan untuk terlibat dalam aktiviti ini. Pada pendapat Encik adakah wajar para perempuan diharamkan terlibat dalam aktiviti dikir barat?
- ii. Kebiasaannya dulu, perempuan banyak terlibat kearah apa? Contohnya tok juara ke awak-awak2 ke?
- iii. Pernah tak dalam satu kumpulan dikir barat tu perempuan yang menjadi ketua?
- iv. Pada pendapat Encik, adakah wajar perempuan jadi ketua dlm sesuatu dikir barat? Adakah perkara ini diterima baik atau tidak?
- v. Selepas para perempuan/wanita diharamkan daripada terlibat dlm dikir barat adakah ini memberi kesan kepada aktiviti dikir barat? Sebab kalau kita lihat ada je kumpulan dikir barat perempuan tapi dari negeri lain.
- vi. Adakah Encik setuju dengan perkara tersebut iaitu mengharamkan para perempuan daripada terlibat dalam dikir barat? Ini kerana para perempuan juga ada yang menaruh minat untuk melibatkan diri dalam dikir barat?
- vii. Pada masa akan datang, adakah Encik rasa ianya wajar untuk memberikan peluang kepada para perempuan untuk cuba melibatkan diri?
- viii. Pada pendapat Encik, adakah senang untuk bekerjasama dengan wanita?

21. Bertanya tentang lagu viral yang dihasilkan oleh tokoh

- i. Ada satu lagu cik ni yang berkaitan dengan covid-19 telah viral di kalangan masyarakat harini. Ada tak mana-mana pihak tidak menerima lagu ini?
- ii. Lagu yang viral tu kan masa pkk tahun lepas. Pernah tak cik berkesempatan nyanyi secara langsung lagu tersebut dekat mana-mana program?
- iii. Kebiasaannya, ramai tak yang bagi sokongan melalui facebook?

- iv. Kebanyakan pengikut Encik dekat fb tu kawan-kawan atau masyarakat?
- v. Selama Encik tulis lagu dan menyanyi lagu encik, adakah semua kawan-kawan encik memberikan sokongan positif atau ada yang cuba menjatuhkan semangat encik?
- vi. Sekarang dalam televisyen banyak rancangan realiti, kalau lah masa akan datang ada program reality berkaitan dikir bakat adakah encik berminat untuk menyertai program realiti tersebut?
- vii. Apakah lagu terbaru yang encik keluarkan atau terbitkan?
- viii. Mengapakah encik terbitkan lagu tersebut? Mungkin ianya mengikut isu semasa?
- ix. Kalau masih diberi peluang untuk encik membuat persembahan atau menyertai pertandingan seperti dulu- dulu di peringkat antarabangsa, adakah encik akan merebut peluang itu?
- x. Pertama sekali, apakah perkara utama yang akan dilakukan sebagai persediaan untuk pertandingan atau persembahan itu? latihan juga mungkin berbeza kan akibat pandemik?
- xi. Pernah tak encik alami masalah seperti tidak cukup ahli kumpulan atau tiba-tiba ada yang tidak boleh melibatkan diri?
- xii. Jika ahli kumpulan Encik secara tiba-tiba ada masalah apakah yang akan Encik lakukan?
- xiii. Adakah Encik membawa beberapa orang sebagai persediaan jika berlaku kecemasan?
- xiv. Akhir sekali, apakah lagu atau aktiviti encik yang terkini dalam dikir barat?

11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
28 Mac 2021 (Ahad)	08:00 – 10:00 (BK3)	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan mengenai tugasan Sejarah Lisan bersama Puan Siti Noorsiah • Menetapkan tema kajian • Puan Siti Noorsiah bersetuju untuk menetapkan tema Seni Warisan
4 April (Ahad)	08:00 – 10:00 (BK3)	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat carian maklumat • Kami bersetuju untuk memilih tema Seni Kebudayaan Dikir Barat • Puan Siti Noorsiah menerangkan cara membuat kertas kajian
9 April (Jumaat)	10:00: 11:30 (Kolej Sempana Alam Buana)	<ul style="list-style-type: none"> • Membahagi tugasan kertas kajian • Pencarian maklumat mengenai tokoh Dikir Barat. • Menyenaraikan tokoh yang menepati kriteria • Memilih En. Hanafiah Bin Yusoff sebagai tokoh bagi tugasan kajian lisan ini
11 April (Ahad)	20:00 – 11:00 (Kolej Sempana Alam Buana)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyiapkan kertas kajian
18 April (Ahad)	08:00 – 10:00 (BK3)	<ul style="list-style-type: none"> • Madam Siti Noorsiah menyemak kertas kajian • Penerangan berkaitan soalan temubual

22 April (Khamis)	20:00 – 21:30 (Kolej Sempana Alam Buana)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengirim mesej kepada tokoh bertanya tentang temubual • Merangka soalan temubual
25 April (Ahad)	08:00 – 10:00 (BK3)	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah membuat semakan soalan temubual • Penerangan berkaitan proses temubual bersama tokoh
2 Mei (Ahad)	14:00 (Kolej Sempana Alam Buana)	<ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan tarikh temubual • Membaiki soalan yang disemak oleh Puan Siti Noorsiah
16 Mei (Ahad)	08:00 – 10:00 (Google Meet)	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah menerangkan cara menulis transkrip
24 Mei (Isnin)	10:00 – 13:00 (Kediaman tokoh Dikir Barat)	<ul style="list-style-type: none"> • Menemubual bersama tokoh Dikir Barat di Kota Bharu Kelantan selama 1 jam 40 minit • Selepas selesai menemubual, penyampaian cederahati kepada tokoh
26 Mei (Rabu)	10:00 (Whatsapp group)	<ul style="list-style-type: none"> • Membahagi tugas projek kajian transkrip • Membincangkan kandungan transkrip
30 Mei (Ahad)	08:00 – 10:00 (Google Meet)	<ul style="list-style-type: none"> • Memberitahu Puan Siti Noorsiah masa temubual tidak mencukupi
4 Jun (Jumaat)	14:00 (Whatsapp)	<ul style="list-style-type: none"> • Mesej kepada tokoh untuk menyambung temubual kerana tidak mencukupi masa yang ditetapkan
7 Jun (Isnin)	13:00 – 14:00 (Google Meet)	<ul style="list-style-type: none"> • Menemubual bersama tokoh selama 1 jam

8 Jun (Selasa)	10:00 (Di kediaman masing-masing)	<ul style="list-style-type: none"> • Mula menulis laporan transkrip
13 Jun (Ahad)	08:00 – 10:00 (Google Meet)	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanya kepada Puan Siti Noorsiah berkaitan transkrip • Puan Siti Noorsiah menerangkan tentang penulisan artikel
20 Jun (Ahad)	08:00 – 10:00 (Google Meet)	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah mengingatkan tarikh penghantaran laporan transkrip
24 Jun (Khamis)	12:00 (Di kediaman masing-masing)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengumpul serta mengabungkan laporan transkrip yang lengkap
27 Jun (Ahad)	08:00 (U-future)	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar transkrip di U-future
28 Jun (Isnin)	14:00 (Di kedai fotostat)	<ul style="list-style-type: none"> • Mencetak transkrip
1 Julai (Khamis)	15:00 (JNT)	<ul style="list-style-type: none"> • Pos transkrip ke alamat rumah Puan Siti Noorsiah


11.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN



GAMBAR ENCIK MOHD HANAFIAH BIN YUSOFF BERSAMA TROFI PENCAPAIAN DIKIR BARAT
BERTEMPAT DI KEDIAMAN RUMAH BELIAU DI KOTA BHARU KELANTAN



GAMBAR ENCIK HANAFIAH BIN YUSOFF MENERIMA CENDEHATI DARIPADA PENEMUBUAL UMMU
ARIFAH BINTI MOHD DASUKI BERTEMPAT DI KEDIAMAN TOKOH DI KOTA BHARU KELANTAN



PERBUALAN MELALUI WHATSAPP BERSAMA ENCIK MOHD HANAFIAH BERKAITAN TEMUBUAL KAJIAN SEJARAH LISAN

